

Buletin UNISZA

ISSN 2180-0235 | APRIL 2014 | BIL 12



**Kampus Tembila:
Kampus Dalam Taman**

Pengurusan Tertinggi

Prof. Dr. Yahaya Ibrahim
Naib Canselor

Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said
Penolong Naib Canselor

En. Nordin Jusoh
Pendaftar

Pn. Ariza Ibrahim
Bendahari

Profesor Dr. Zuhairah Ariff Abd. Ghadas
Penasihat Undang-undang

Sidang Pengarang

Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri Mat Teh
Penerbit UniSZA

Dr. Bahyah Abdul Halim
Penerbit UniSZA

En. Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Dr. Nalini a/p Arumugam
Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan

En. Mohd Shahrizal Nasir
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohamad Hafis Amat Simin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Pn. Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Kaswadi Yusoff
Jurufoto
Pusat Komunikasi Korporat, dan Antarabangsa

En. Nazri Yusof
Penerbit UniSZA

Pn. Zurina Mansor
Setiausaha
Penerbit UniSZA

Sumber dan Penyumbang Bahan

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
2. Pejabat Pengarah Kampus Tembila
3. Pusat Pengajian Siswazah
4. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
5. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (Inspire)
6. Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI)
7. Pejabat Pengurusan Program Institusi (iPMO)
8. Pusat Pengurusan Bakat dan Kualiti Akademik
9. Penerbit UniSZA
10. Pejabat Pengarah Kolej Kediaman
11. Pusat Keusahawanan
12. Pusat Pembangunan Holistik Pelajar UniSZA
13. Unit Audit Dalam
14. Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said
15. Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad
16. Prof. Madya Dr. Azizah Endut
17. Dr. Ahmad Azrin Adnan
18. Dr. Bahyah Abdul Halim
19. Pn. Morliyati Mohammad
20. En. Hamdy Abdullah
21. Pn. Robiah Ariffin

Hak Cipta Terpelihara © 2014. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2014

Pengarah, Penerbit UniSZA Universiti Sultan Zainal Abidin

Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu Terengganu, MALAYSIA.

Tel: 09-668 7772 Faks: 09-668 7867

Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



KANDUNGAN

Utama	4
Malim Sarjana	5
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	8
Tokoh	16
Rencana	20
Pencapaian	29
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	31
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	32
Sukan dan Ko-Kurikulum	34

Aktiviti di Kampus Tembila

Bengkel *Waste to Wealth* dan Pelancaran Program 3P sempena Program Rakan Alam Sekitar

Program Rakan Alam Sekitar diadakan bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran alam sekitar dalam kalangan masyarakat melalui pelbagai aktiviti yang menggalakkan masyarakat untuk lebih prihatin, peka dan bersama-sama memainkan peranan melindungi dan memulihara alam sekitar. Program ini dilihat berupaya untuk memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada para peserta untuk lebih menyayangi dan menghargai alam sekitar.

Sehubungan dengan itu, pada 14 Disember 2013 bertempat di Dewan Auditorium, UniSZA Kampus Tembila, Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu dengan kerjasama pihak Pengurusan UniSZA Kampus Tembila, Besut telah menganjurkan Bengkel *Waste To Wealth* dan Pelancaran Program 3P (Pasukan Pemantau Pencemaran). Seramai 100

orang staf dan pelajar UniSZA Kampus Tembila telah menyertai program ini. Ia telah dimeriahkan dengan kehadiran ADUN Kuala Besut, YBM Tengku Zaihan Abdul Rahman yang merasmikan bengkel ini dan melancarkan program 3P. Pada majlis tersebut, seramai lima orang peserta telah ditauliahkan sebagai ahli 3P peringkat Parlimen Besut bagi memantau aktiviti pencemaran alam sekitar di kawasan berkenaan.

Program seumpama ini dilihat mampu menjadi salah satu medium yang berkesan dalam melahirkan masyarakat yang cakna dan cintakan alam sekitar. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, para peserta berpuas hati dengan aktiviti yang dilaksanakan semasa bengkel dan mengharapkan program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Program Cakna Alam 2014

Program Cakna Alam 2014 diadakan bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan dan keperluan pemuliharaan alam sekitar di samping memupuk hubungan silaturahim antara warga UniSZA dengan masyarakat setempat melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Program seumpama ini dilihat dapat memupuk semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan warga kampus dan masyarakat, selain dapat menjadikan UniSZA sebagai sebuah kawasan hijau sekali gus dapat mempromosikan UniSZA kepada masyarakat luar.

Sehubungan dengan itu, pada 26 Februari 2014 bertempat di UniSZA Kampus Tembila, Besut, pihak Pengurusan Kampus Tembila telah menganjurkan Program Cakna Alam 2014 melibatkan penyertaan daripada staf dan pelajar UniSZA serta masyarakat setempat. Program ini telah dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Putera, YB Mohd Mahdi Musa.

Aktiviti yang dilaksanakan semasa program adalah penanaman 700 pokok oleh pelajar UniSZA Kampus Tembila di kawasan sekitar kampus, pertandingan sajian masakan berasaskan ubi dan labu, pertandingan memancing dan pameran pendidikan.

Selain itu, Klinik Kesihatan UniSZA dengan kerjasama Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan turut mengadakan pemeriksaan kesihatan percuma kepada masyarakat setempat.

Hadiah-hadiah pertandingan telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad.

Program seumpama ini mendapat reaksi yang positif daripada staf, pelajar dan juga masyarakat setempat. Adalah diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang memandangkan banyak faedah yang diperolehi oleh peserta yang terlibat sepanjang penganjurannya.

Ulasan Buku

“Membangun Budaya Kecemerlangan: Syarahan Tahunan Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin 2014”

Dr. Ahmad Azrin Adnan
Felo Penyelidik
Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
(ahmazrin@unisza.edu.my)



Kelahiran buku *Membangun Budaya Kecemerlangan: Syarahan Tahunan Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin 2014* amat tepat pada masanya ketika UniSZA meneruskan kesinambungan pelan transformasinya yang telah dilakar dalam buku *Universiti Sultan Zainal Abidin: Membina Perubahan, Menggapai Impian*. Menelusuri hasrat, impian dan cita-cita Profesor Dr. Yahaya Ibrahim selaku Naib Canselor, buku ini mengetengahkan pelbagai petunjuk penting untuk dihayati seluruh warga UniSZA. Ia mencakupi tujuh perkara utama, iaitu (i) citra sebuah universiti unggul, (ii) refleksi 2013, (iii) mentransformasikan hala tuju, (iv) program pengantarabangsaan, (v) membangun budaya tadbir urus cemerlang, (vi)

membangun budaya staf cemerlang, dan (vii) membangun budaya pelajar cemerlang.

Buku ini bermula dengan membincangkan citra universiti unggul. Agak sukar untuk memahami makna citra memandangkan pengertiannya yang pelbagai. Mudahnya citra difahami sebagai kepercayaan yang dikaitkan dengan sebuah gambaran dimiliki atau didapati dari pengalaman. Apabila konsep ini dihubungkan dengan konsep universiti unggul, penulis buku cuba membayangkan dua perkara. Pertama, menjadikan UniSZA sebagai institusi keilmuan cemerlang yang melahirkan insan berilmu terbilang yang akan menjadi sebuah ‘hadiah’ kepada dunia keilmuan pada suatu masa nanti. Kedua,



membangun potensi hikmah, kebijaksanaan dan kearifan warga UniSZA. Kedua-dua perkara ini diakui penulis begitu sukar untuk dicapai dan akan mengambil masa yang panjang. Namun begitu tiada yang mustahil untuk dicapai selagi mana tinggi cita-citanya dan bulat tekadnya. Menariknya dalam hal ini, penulis mengaitkannya dengan kejayaan tentera Islam menakluki kota Constantinople setelah berusaha selama 800 tahun. Ternyata kejayaan yang diraih oleh tentera Islam seramai 265,000 orang yang dipimpin oleh Sultan Muhammad al-Fateh adalah kerana usaha gigih dan sumber modal insannya yang berkualiti dari segi jasmani dan rohani.

Buku ini seterusnya membentangkan prestasi yang dicapai UniSZA sepanjang tahun 2013. Pencapaian ini berkisar kepada lima aspek utama, iaitu (i) pembinaan citra dan budaya baharu, (ii) pemekaran bidang akademik, (iii) pembangunan kampus lestari, (iv) penyelidikan dan penerbitan, dan (v) pengantarabangsaan UniSZA. Kesemua aspek utama ini menjadi bukti bahawa UniSZA telah mula melaksanakan pelbagai program transformasi untuk memperbetulkan segala tribulasi yang melanda UniSZA. Di sebalik kedudukan ini, penulis menyedari bahawa UniSZA masih tidak sempurna dan masih ketinggalan dari segi bilangan program pengajian, kemudahan infrastruktur serta penyelidikan dan penerbitan berbanding institusi pengajian tinggi yang lain.

Dalam bahagian berikutnya, buku ini cuba menjelaskan makna mentransformasi hala tuju UniSZA. Ia dimulakan dengan menetapkan sasaran UniSZA untuk berada dalam kalangan sepuluh IPT

terbaik di Malaysia dan terbaik di Pantai Timur. Pengalaman lebih 30 tahun semenjak dari awal penubuhan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) menjadikan UniSZA lebih bersedia untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. KUSZA juga telah diwujudkan kembali sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab (PTj) baharu untuk ditempatkan semua pelajar diploma. KUSZA akan dikenali sebagai Kolej Sultan Zainal Abidin (KSZA). Untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan di atas, penulis cuba membudayakan *UniSZA is everywhere*. Dalam hal ini, setiap fakulti diminta memilih satu daerah atau beberapa kampung yang boleh dibangunkan potensi mereka. Antara ruang kerjasama yang boleh dilaksanakan ialah membangunkan tahap sosio-ekonomi, pendidikan, keagamaan, sukan, dan dalam masa yang sama membina modal insan yang berdaya saing. Penulis juga mencadangkan pembentukan indeks pembangunan aspek-aspek di atas untuk membolehkan pihak universiti dan masyarakat menilai keberkesanan program dan aktiviti yang dilaksanakan. Anugerah *University Social Responsibility (USR)* kepada PTj yang terlibat aktif dalam program pembangunan masyarakat merupakan suatu bentuk pengiktirafan kepada usaha-usaha ini.

Selain itu, penulis cuba memperkenalkan tiga perkara yang ada kena mengena dengan kesejahteraan komuniti. Pertama, mewujudkan Pusat Rawatan Pakar UniSZA yang akan menggabungkan tiga aspek kepakaran sedia ada, iaitu (i) klinik kesihatan pelajar dan staf UniSZA, (ii) klinik perubatan alternatif dan (iii) pusat rawatan pakar bagi pesakit luar. Kewujudan pusat rawatan ini diyakini akan menambah kecekapan

dan ketersediaan perkhidmatan perubatan kepada semua warga UniSZA dan sesiapa sahaja yang memerlukan selain menjana kewangan universiti. Kedua, melaksanakan program 'pembela bangsa' bagi membantu para pelajar miskin yang gagal mendapat tempat di institusi pengajian tinggi awam agar diterima masuk mengikuti program khas UniSZA. Ketiga, mengurus bakat dan potensi sedia ada dalam bidang agama melalui Pusat Islam UniSZA untuk disalurkan kepada masyarakat selain program *mentoring* untuk melatih bakat-bakat baharu. Ketiga-tiga perkara ini akan menjadikan UniSZA dekat di hati masyarakat.

Buku ini selanjutnya menjelaskan program pengantarabangsaan UniSZA bermula tahun 2013 hingga tahun 2019 melalui pembukaan cawangan di Kuala Lumpur (2013), China (2014), Indonesia (2014), Kazakhstan (2015), Emiriah Arab Bersatu (2017) dan Afrika Selatan (2019). Penulis secara serius ingin menjadikan UniSZA sebagai 'pemain' global dengan peningkatan bilangan memorandum persefahaman dan memorandum perjanjian pendidikan.

Dalam bahagian akhir buku ini, penulis menghuraikan makna membangun budaya kecemerlangan. Beliau membahagikannya kepada tiga perkara utama, iaitu (i) membangun budaya tadbir urus cemerlang, (ii) membangun budaya staf cemerlang dan (iii) membangun budaya pelajar cemerlang. Dalam perkara pertama, beliau membincangkan tentang inisiatif memperbaharui gaya pengurusan, imej dan perlambangan, serta jangkauan dan kolaborasi. Inisiatif-inisiatif yang diketengahkan ini tidak sekadar menerangkan bentuk pelaksanaannya malah memperkenalkan beberapa konsep baharu seperti pendigitalan dokumen (*digitizing documents*). Begitu juga dengan konsep '*Link Management*' yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Pendaftaran bagi mempercepatkan setiap urusan tanpa kerenah birokrasi. Konsep-konsep baharu yang lain meliputi latihan industri berstruktur (*structured industrial training*) dan pembangunan prasarana melalui inisiatif pembiayaan swasta (*private financing initiative*).

Dalam perkara kedua, beliau menegaskan bahawa pra-syarat untuk memastikan kegemilangan UniSZA bergantung kepada setakat manakah staf yang dipunyai UniSZA berproduktiviti tinggi dan berkualiti. Oleh sebab itu, beliau menggariskan beberapa perkara yang perlu dicapai oleh staf akademik dan staf bukan akademik. Bagi staf akademik, terdapat dua perkara utama yang ditekankan beliau. Pertama, pembudayaan penyelidikan yang berimpak tinggi. Kedua, kualiti tugas hakiki warga akademik sebagai pengajar dipertingkatkan lagi dengan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran terkini. Dalam hal ini, beliau mencadangkan agar elemen ini diperinci dan dizahirkan dalam bentuk yang lebih mudah untuk diaplikasikan dalam proses P&P selari dengan nic penyelidikan 'Sains Wahyu' sebagai tunjang kepada penyelidikan UniSZA. Bagi staf bukan akademik, beliau menekankan tiga perkara utama berikut.

Pertama, peningkatan kemahiran dalam memenuhi pelbagai tanggungjawab di peringkat fakulti dan PTJ adalah amat penting. Kedua, memperkasakan kumpulan profesional dengan melihat semula sistem latihan sedia ada agar latihan yang diberi boleh meningkatkan ilmu dan keupayaan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Ketiga, mempergiatkan sistem latihan tersusun yang lebih menjurus kepada peningkatan kemahiran dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Dalam perkara ketiga, penulis menegaskan bahawa pembangunan pelajar sentiasa menjadi keutamaan UniSZA dalam usaha melahirkan modal insan yang kompeten, berintegriti dan berdaya saing. Untuk tujuan ini, aspek-aspek ruhiyyah dan sahsiah dititikberatkan sebagai nilai tambah kepada pembangunan intelektual dan generik kepada setiap pelajar. Secara lebih terperinci, beliau mengemukakan sembilan strategi berfokus untuk mencapai hasrat ini. Pertama, meningkatkan kualiti akademik dengan usaha penilaian dan penambahbaikan struktur kurikulum dari semasa ke semasa untuk memenuhi ciri yang diperlukan oleh pasaran. Kedua, mempertingkatkan kompetensi bahasa Arab dan Inggeris dalam kalangan pelajar UniSZA, di samping penguasaan bahasa ketiga seperti Mandarin, Perancis, Jerman dan Jepun. Ketiga, memperkasakan hubungan UniSZA-industri agar peluang kebolehpasaran graduan menjadi lebih terbuka. Keempat, membangunkan kemudahan dan infrastruktur baharu yang memperagakan imej korporat dan kondusif di pelbagai PTJ untuk keselesaan para pelajar UniSZA. Kelima, meningkatkan kompetensi staf di pelbagai peringkat agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga pelajar UniSZA. Keenam, meningkatkan bilangan program khidmat komuniti sesuai dengan moto UniSZA 'Ilmu Demi Faedah Insan'. Ketujuh, mewujudkan kolaborasi dengan pelbagai institusi antarabangsa untuk memastikan pelajar UniSZA memperoleh pendedahan dan pengalaman di peringkat antarabangsa. Kelapan, menambah baik fungsi sedia ada bagi unit yang menguruskan promosi dan kemasukan pelajar agar UniSZA dilihat lebih mesra masyarakat, mudah diakses dan tidak bersifat eksklusif. Kesembilan, mewujudkan satu pusat sehati (*one stop centre*) yang mengurus, menempat, mengasuh dan menggilap potensi pelajar berbakat istimewa (*talented and gifted*) agar UniSZA dikenali sebagai hab insan cemerlang di Wilayah Pantai Timur.

Buku ini diakhiri dengan kenyataan bahawa ekosistem pendidikan yang dimiliki universiti wadahnya menjadi penentu kepada terhasilnya graduan yang intelek berkarisma. Graduan yang lahir dari UniSZA tidak sekadar menjadi entiti dalam keseluruhan penjanaan sektor ekonomi, bahkan menjadi agen pemangkin kepada kejayaan agama, bangsa dan negara. Inilah impian UniSZA amnya dan penulis buku khususnya dalam menghasilkan pemimpin pada masa hadapan.

Bimbingan Penulisan Artikel Akademik Untuk Pelajar Siswazah

Bengkel Penulisan Artikel Akademik 2013 anjuran Persatuan Pelajar Pengajian Siswazah dengan kerjasama Pusat Pengajian Siswazah UniSZA telah diadakan pada 21 Disember 2013 bertempat di Bangunan Akademik UniSZA, Kampus Gong Badak. Ia melibatkan seramai 200 orang peserta yang terdiri daripada calon siswazah peringkat sarjana dan doktor falsafah IPTA/IPTS seluruh negara. Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberikan pendedahan dan latihan awal sewajarnya kepada para siswazah untuk menghasilkan penulisan akademik dan membentangkan penyelidikan masing-masing.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman. Berdasarkan borang soal selidik yang dilakukan, peserta yang terlibat memberikan maklum balas yang positif dan berharap agar bengkel

yang berimpak tinggi sebegini diteruskan lagi pada masa hadapan.

Bengkel ini terbahagi kepada sub bidang seperti:

- i. Pengajian Islam dan Pendidikan Bahasa Arab
- ii. Sains Kesihatan, Pertanian dan Bioteknologi Makanan
- iii. Sains Sosial, Pengurusan dan Undang-undang
- iv. Sains Komputer dan Reka Bentuk Teknologi Kejuruteraan

Setiap bidang ini dikendalikan oleh penceramah atau pembentang yang berkemahiran dan berkebolehan dalam bidang tersebut yang terdiri daripada pensyarah UniSZA iaitu Prof. Dr. Izah Mohd Tahir, Prof. Dr. Lua Pei Lin, Prof. Madya Dr. Nordin Abdul Rahman dan Prof. Madya Dr. Syed Hadzrullatfhi Syed Omar.

Unit Kaunseling Anjur Kursus Latihan 'Siswa Membantu Siswa'



Program Kursus Asas Pembimbing Rakan Siswa (PRS) merupakan program untuk melatih para mahasiswa/i UniSZA agar dapat menguasai kemahiran menolong. Kemahiran ini dapat mendedahkan mereka dengan kemahiran membimbing rakan siswa yang memerlukan bimbingan untuk kesejahteraan mental, sosial dan emosi. Selain itu, khidmat 'Siswa Membantu Siswa' merupakan satu khidmat sokongan yang penting di dalam perkhidmatan kaunseling.

Pada 13 Disember 2013 bertempat di Dewan Kuliah Utama UniSZA, Unit Kaunseling UniSZA telah menganjurkan satu Kursus Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Tahap (1) kepada ahli-ahli Pembimbing Rakan Siswa (PRS). Program ini dihadiri oleh seramai 94 ahli PRS dan dikendalikan oleh Pegawai Psikologi UniSZA.

Objektif program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada PRS berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai ahli PRS disamping dapat menerapkan kemahiran-kemahiran asas menolong kepada Pembimbing Rakan Siswa UniSZA. Ia berasaskan konsep

bahawa rakan sebaya merupakan orang yang paling rapat dan paling berpengaruh dalam hubungan sosial mereka.

Kemahiran menolong perlu ada sekurang-kurangnya di peringkat asas bukan untuk membolehkan PRS mengendalikan kes berat dan abnormal tetapi sebagai 'barisan hadapan' yang ditemui oleh rakan siswa yang ketika berdepan masalah. PRS sewajarnya berkeupayaan mengenali keadaan permasalahan dan bertindak sewajarnya untuk membawa atau merujuk rakan siswa kepada Pegawai Psikologi.

Selain itu, kursus ini juga dapat melatih ahli PRS mempelajari aspek perkembangan diri (self-development) untuk membina peribadi yang teguh sebagai seorang PRS UniSZA yang berketerampilan.

Kursus Ketua Juruaudit Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008

Pada 20 hingga 24 Januari 2014, Pusat Pengurusan Bakat dan Kualiti Akademik telah mengadakan Kursus Ketua Juruaudit Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 yang dikendalikan oleh juruperunding bertauliah dari Total Organisation Management Consulting (M) Sdn. Bhd. iaitu Tuan Haji Mohammad Nazri bin Abdul Rani. Kursus ini diadakan di Primula Beach Hotel dengan 19 orang peserta.

Kursus ini bertujuan melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan audit kualiti dalaman. Dengan adanya kumpulan Ketua Juruaudit di UniSZA, mereka dapat membantu memastikan tahap piawaian Sistem Pengurusan Kualiti di UniSZA sentiasa dipatuhi atau dipertingkatkan mengikut keperluan semasa. Secara tidak langsung cara bekerja yang konsisten dan menepati prinsip kerja yang betul dapat diwujudkan dalam Sistem Pengurusan di UniSZA.



Majlis Penghargaan Program Pertukaran Pelajar



Program pertukaran pelajar merupakan salah satu usaha Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) UniSZA untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar sebelum bergraduat. Bagi merealisasikan usaha ini, FKI mengambil peluang untuk melaksanakan kerjasama dengan institusi-institusi yang telah menandatangani MoU dengan UniSZA. Pada semester I sesi 2013/14, FKI menerima kehadiran dua orang pelajar dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam iaitu saudari Siti Nurul Afiqah Haji Muskapah dan saudari Siti Rubiah Raya.

Pada 19 Januari 2014, satu majlis perpisahan untuk pelajar terbabit telah diadakan oleh pihak fakulti. Saudari Siti Nurul Afiqah menyatakan bahawa beliau gembira sepanjang berada di sini dan merasa sungguh bertuah kerana dapat menimba pengalaman baharu di Malaysia. Menurut saudari Siti Rubiah pula, beliau beruntung kerana dapat menambah ilmu-ilmu baharu terutama dalam bidang Pengajian Islam sepanjang berada di sini. Mereka mengucapkan jutaan terima kasih atas segala tunjuk ajar dan layanan baik daripada pihak FKI dan UniSZA.

Dekan FKI, YM Dr. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali turut menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut dan menzahirkan penghargaan atas kerjasama semua pihak dalam usaha merealisasikan program ini serta berharap agar kerjasama pertukaran pelajar ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

10 Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat



Malam Penghargaan Majlis Kolej Kediaman

Pada 13 Februari 2014 bertempat di Batu Burok Beach Resort, Pejabat Pengarah Kolej Kediaman Kampus Gong Badak telah menganjurkan majlis penyampaian sijil penghargaan kepada ahli Majlis Kolej Kediaman (MKK) sesi 2012/2013.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Pengarah Kolej Kediaman, YBrs. Dr. Mohd Shahril Othman. Dalam ucapannya, beliau berharap MKK mengendalikan organisasi berasaskan kepada etika kepimpinan pelajar serta peraturan yang berkuatkuasa di UniSZA. Turut hadir menyerikan majlis adalah mantan Pengarah Kolej Kediaman, YBrs. Dr. Ahmad Bazli Shafie dan felo-felo kolej kediaman. Seramai 60

orang ahli yang mewakili empat buah kolej kediaman telah dianugerahkan sijil penghargaan sebagai menghargai khidmat dan sumbangan mereka dalam MKK.

Pelbagai aktiviti telah dianjurkan oleh MKK sepanjang sesi 2012/2013 dengan tujuan untuk mengeratkan lagi silaturrahim antara warga kolej kediaman dan staf disamping memastikan kebajikan penghuni terpelihara. Pejabat Pengarah Kolej Kediaman akan terus menganjurkan majlis seumpama ini pada masa akan datang bagi menghargai sumbangan ahli Majlis Kolej Kediaman.





Mesyuarat Jawatankuasa Audit UniSZA

Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) UniSZA kali ke-23 (Bil. 5/2013) telah diadakan pada 26 Disember 2013 bertempat di Double Tree By Hilton Kuala Lumpur. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Mokhtar Nong dengan kehadiran ahli JKA iaitu YBhg. Prof. Dato' Wira Dr. Ismail Ibrahim dan YBhg. Dato' Prof. Dr. Hussin @ Mohamad Ab. Rahman. Mesyuarat turut dihadiri oleh Pendaftar, YBrs. Encik Nordin bin Jusoh dan Pemangku Bendahari, Puan Shakimah Endut.

Sebanyak tiga laporan auditan dibentangkan dalam mesyuarat tersebut iaitu Auditan Susulan Tahun 2012, Auditan Pengurusan Kewangan dan Kawalan Dalam Bahagian Pengurusan Akademik, dan juga Auditan Pengurusan Aset Alih HEPA yang merangkumi Pusat Sukan dan Rekreasi, Pusat Pembangunan Holistik Pelajar dan Pusat Keusahawanan dan Kejauharian Pelajar.

Bengkel *Outcome Based Education (OBE)* UniSZA 2014

Bengkel *Outcome Based Education (OBE)* UniSZA 2014 diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan tentang kaedah dan kebaikan pelaksanaan *OBE* di UniSZA kepada golongan pensyarah. Selain itu, bengkel ini mampu memberi kefahaman yang lebih jelas tentang peranan *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* dalam isu-isu berkaitan kualiti akademik di samping memberi pendedahan kepada pensyarah dalam penyediaan kertas-kertas soalan peperiksaan berdasarkan *OBE*.

Sehubungan itu, pada 8 Februari 2014, Pusat Pengurusan Bakat dan Kualiti Akademik (CTMAQ) telah mengadakan Bengkel *OBE* bertempat di Dewan

Senat, Bangunan Pentadbiran UniSZA. Bengkel ini dikendalikan oleh Tuan Haji Mohamed Nadzri bin Mohd. Yusoff dari UiTM Kampus Puncak Alam, Selangor dengan kehadiran peserta seramai 50 orang.

Bengkel ini dilihat mampu untuk memberi pendedahan dan keyakinan kepada pensyarah UniSZA dalam melaksanakan *OBE* di fakulti masing-masing. *OBE* merupakan satu pendekatan positif yang memerlukan komitmen dari semua pihak dalam melaksanakannya. Apa yang diharapkan daripada bengkel ini adalah agar usaha ini dapat menyumbang ke arah pembudayaan kualiti berterusan dan budaya kerja positif dari semua warga UniSZA.

12 Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat



Secara umumnya pelan strategik ialah sokongan teras misi nasional dalam meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. UniSZA mentakrifkan istilah tersebut sebagai perancangan satu set pilihan atau keputusan yang akan meletakkannya terkehadapan dalam sektor pengajian tinggi dari segi kualiti perkhidmatan atau produk dan keberkesanan kos.

Pejabat Pengurusan Program Institusi (IPMO) dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor telah mengadakan siri pertama bengkel Pelan Strategik UniSZA untuk merangka pelan strategik bagi tahun 2014 - 2020. Bengkel ini telah dilaksanakan pada 6 - 8 Februari 2014, bertempat di Hotel Renaissance, Kota Bharu. Bengkel yang padat dengan program-program yang telah disusun rapi oleh pihak urus setia telah disertai seramai 44 orang peserta yang terdiri daripada Naib Canselor UniSZA YBhg. Prof. Dr. Yahaya Ibrahim, pengurusan tertinggi UniSZA, Ketua Pusat Tanggungjawab, auditor-auditor yang telah dilantik dan penolong pendaftar sebagai pencatat.

Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Yahaya Ibrahim. Bengkel ini merupakan cetusan idea beliau selepas syarahannya yang bertajuk 'Membina Perubahan Mengapai Impian' yang telah disampaikan pada 1 Julai 2013. Intipati syarahan tersebut telah memperlihatkan segala harapan dan inspirasinya dalam melakukan transformasi UniSZA.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah bagi menetap dan memuktamadkan visi, misi dan moto universiti. Bengkel ini juga diadakan adalah untuk menggubal objektif dan fungsi universiti. Selain daripada itu objektif lain yang ingin dicapai sepanjang bengkel ini diadakan adalah untuk merangka objektif strategik dan Pelan Perancangan Strategik UniSZA bagi tempoh tahun 2014-2020. Secara amnya bengkel yang padat dengan perbincangan halatuju UniSZA ini telah memberi impak yang cukup besar bukan sahaja

kepada peserta yang hadir, malah kepada warga UniSZA keseluruhannya. Kebanyakan peserta yang terlibat amat teruja dan komited dalam memberikan idea yang berkualiti demi melihat kemajuan serta halatuju UniSZA yang lebih baik.

Naib Canselor dalam amanatnya telah mensasarkan tiga perkara yang perlu dicapai oleh UniSZA dalam tempoh lima tahun (2014-2018) iaitu, UniSZA berada dalam kelompok sepuluh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terbaik di Malaysia, UniSZA menjadi IPT terbaik di pantai timur dan *UniSZA is everywhere*.

Bagi mencapai kesemua sasaran tersebut, UniSZA akan melalui empat fasa iaitu fasa pembudayaan, pemekaran, pengukuhan dan pengantarabangsaan. Selain itu, beliau menggariskan keperluan untuk kejayaan UniSZA antaranya, perkara yang sedia ada, akan ditingkatkan atau ditambah baik, ditadkan atau dijenamakan semula, dan perkara yang tiada akan diadakan.

Program-program yang disusun untuk bengkel ini dibahagikan kepada sembilan sesi yang dipermudahcarakan oleh pakar pelan strategik iaitu Penolong Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz Mahmudin. Sesi pertama dimulakan dengan *Strategic Management Process* disusuli pula dengan pemurnian visi dan misi UniSZA. *SWOT Analysis, Strategic Themes and Result, Strategic Objective dan Strategy Map* turut dibincangkan. Sesi perbincangan dibahagi enam kumpulan berdasarkan kepada teras strategik yang akan memacu transformasi UniSZA.

Bengkel ini telah diakhiri dengan Rumusan Pelan Strategik UniSZA (Siri 1) oleh YBhg. Naib Canselor, UniSZA. Siri kedua bengkel akan diadakan bagi membentuk dan memperhalusi inisiatif strategi bagi memastikan objektif strategi tercapai.

Pembudayaan Ilmu INSPIRE Menerusi Seminar Waqaf di Malaysia

Pada 15 Disember 2013, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE) dengan kerjasama Jabatan Bendahari UniSZA telah menganjurkan Ceramah Umum Siri 1. Ceramah yang bertajuk *Potensi Pembangunan dan Pengurusan Waqaf di Malaysia* telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad, yang juga merupakan pensyarah kanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), YBhg. Dato' Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa.

Sesi ini telah dihadiri oleh staf dari pelbagai jabatan serta 40 orang pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan. Ceramah ini bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat kampus tentang konsep waqaf dan peranannya dalam pemerkasaan ekonomi ummah. YBhg Dato' Syed Mohd Ghazali Wafa telah menggambarkan dengan jelas bagaimana amalan waqaf telah menjadi budaya masyarakat Islam pada era kegemilangan tamadunnya. Kombinasi antara pelaksanaan sistem waqaf yang mantap dan penghayatan masyarakat Islam terhadap konsep waqaf telah berjaya membangunkan ekonomi ummah sehinggakan terdapat banyak kategori harta waqaf pada zaman itu seperti hospital, sekolah, rumah

persinggahan, jalanraya, kebun dan sebagainya. Waqaf merupakan satu amalan yang memberi banyak manfaat dan keuntungan kepada manusia sama ada duniawi mahupun ukhrawi.

Beliau menyeru kepada para hadirin agar memahami, mempraktikkan dan menghayati dengan baik sistem waqaf yang menjadi satu amalan yang digalakkan oleh Islam. Pada hari ini, waqaf merupakan satu instrumen yang cukup berpotensi untuk mengembalikan semula kekuatan ummah khususnya dari sudut ekonomi. Ia boleh meringankan beban kewangan kerajaan, mengurangkan kos sara hidup masyarakat, merencanakan aktiviti komersil, memperbanyakkan institusi yang tidak berorientasikan keuntungan, mengeratkan hubungan silaturrahim dan sebagainya. Umat Islam perlu mempunyai pemikiran yang besar terhadap sistem waqaf serta mempraktikkannya dalam skala yang lebih besar dan kontemporari. Secara langsung, ia boleh memajukan lagi sektor-sektor pembangunan hartanah, petroleum dan gas, pembuatan dan perindustrian, perubatan dan khidmat kesihatan, hospitaliti, pendidikan, pertanian, logistik dan pengangkutan, makanan halal dan lain-lain lagi.

Pemeriksaan Pusat Pengajian Dakwah, FKI Bersama Pemeriksa Luar

Dalam usaha memperkasakan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA sebagai sebuah pusat rujukan Islam terkemuka di pantai timur, Pusat Pengajian Dakwah (PP Dakwah) telah mengadakan program bersama pemeriksa luar iaitu Profesor Dr. Siti Rugayah Tibek, pensyarah Fakulti Pengajian Islam, UKM yang juga merupakan panel penilai MQA. Program yang diadakan pada 17 hingga 19 Februari 2014 telah dihadiri oleh semua ahli akademik PP Dakwah dan pihak kedekanan.

Pertemuan ini merupakan suatu wahana akademik yang bertujuan mendapatkan nasihat pakar dalam bidang dakwah khususnya berkaitan pembangunan akademik dan pengantarabangsaan. Program ini penting dalam konteks pembangunan akademik FKI umumnya dan PP Dakwah secara khusus.

Program selama tiga hari ini dipenuhi dengan pelbagai aktiviti dan slot seperti sesi taklimat PP Dakwah, semakan dan penilaian dokumen akademik serta fail kursus pengajian PP Dakwah yang melibatkan peringkat diploma dan ijazah sarjana muda, diskusi meja bulat, sesi ulasan kualiti pengajaran bersama ahli PP Dakwah, konsultasi pelajar siswazah dan majlis refleksi serta ulasan daripada pemeriksa luar.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai semua objektif penganjurannya termasuk mendapatkan pandangan pemeriksa luar berkaitan program-program baharu di FKI seperti Diploma Pengajian Islam (umum) dan Sarjana Pengajian Islam yang melibatkan pelbagai pengkhususan seperti Dakwah, Syariah, Usuluddin dan Pendidikan Islam.

Selain mendapat nasihat berkaitan penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran, pembangunan akademik dan akademia, penyelidikan, penerbitan dan pengantarabangsaan, program ini berjaya menghimpunkan pelajar siswazah PP Dakwah untuk mendapatkan konsultasi umum daripada pemeriksa luar berkaitan penyelidikan dan penulisan tesis di samping berkongsi rahsia kejayaan sebagai seorang malim sarjana.

Pada penghujung program, Profesor Dr. Siti Rugayah yang pakar dalam Metodologi Dakwah dan Kesenian Islam turut membentangkan laporan dan cadangan penambahbaikan berkaitan pembangunan akademik, penerbitan dan penyelidikan di samping mencadangkan agar PP Dakwah memperluaskan jaringan hubungan akademik dengan jabatan dakwah di IPTA lain melalui penganjuran program akademik dan *outreach* secara bersama.

Pengkalan Data Pelajar Siswazah Ditambahbaik

Bengkel penambahbaikan sistem maklumat Pusat Pengajian Siswazah (PPS) telah diadakan pada 19 hingga 20 Januari 2014 bertempat di Tok Aman Bali Beach Resort Pantai Bisikan Bayu, Semerak, Pasir Puteh, Kelantan.

Objektif utama bengkel ini adalah bagi mengkaji semula sistem maklumat PPS terutamanya modul permohonan secara dalam talian untuk memudahkan urusan permohonan dan membangunkan pangkalan data pelajar siswazah sejajar dengan keperluan pengurusan dan pelaporan.

Seramai 22 orang peserta telah menghadiri bengkel tersebut. Kemuncak program ini ialah

isu berkaitan dengan penambahbaikan borang permohonan secara atas talian, borang pengurusan pelajar siswazah, sistem e-Laporan Kemajuan Pelajar secara atas talian, kursus Metodologi Penyelidikan, laman web PPS, pengurusan sistem *MyMeeting* dan e-mel berkumpulan bagi penyelia.

Dalam ucapan penutup, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad telah menyarankan agar pihak PPS dapat meningkatkan lagi enrolmen pelajar siswazah di peringkat sarjana dan doktor falsafah.



Pertandingan Simulasi MyPEC

Pusat Keusahawanan UniSZA telah menghantar lima orang wakil dalam kalangan pelajar UniSZA untuk menyertai Pertandingan Simulasi MyPEC yang bermula pada 2 hingga 14 Februari 2014 bertempat di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah. Rombongan penyertaan pertandingan ini diiringi oleh Dr. Jamalludin Helmi Hashim yang bertindak sebagai mentor. Sebanyak 19 buah IPT awam, swasta dan politeknik telah menyertai pertandingan tersebut dengan modal maya berjumlah RM 10,000.00.

Pertandingan ini bertujuan untuk mempraktikkan teras kemahiran berkaitan pengurusan perniagaan melalui aktiviti urus rekod dan dokumentasi, pemikiran kritikal dalam proses menyelesaikan masalah berkaitan urusan perniagaan dan pengurusan waktu dan juga menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Menurut peserta yang menyertai pertandingan tersebut, pertandingan yang bersifat amali ini telah

memberi pendedahan berguna dan dapat menyemai semangat kegigihan dalam menempuh pelbagai cabaran perniagaan kepada mereka. Teori yang dipelajari di IPT akan dapat diaplikasi dengan baik apabila pelajar diterapkan dengan ilmu dan kemahiran keusahawanan selaras dengan objektif program.

Semasa pertandingan berlangsung, peserta dikehendaki membentangkan rancangan perniagaan kepada pelabur yang merangkumi penggerak industri seperti MyEG, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM). Rata-rata peserta menyatakan persediaan untuk menyertai pertandingan tersebut pada tahun akan datang memandangkan pelbagai faedah diperolehi sepanjang pengajuannya.

Pusat Keusahawanan Sasar Lahirkan 50 Agropreneur

UniSZA menerusi Pusat Keusahawanan dalam sasaran untuk melahirkan 50 *agropreneur* atau usahawan tani muda sepanjang tahun ini dengan fokus utama kepada projek-projek pertanian atau penternakan komersil berimpak tinggi.

Pada awal Januari 2014, satu lawatan yang diketuai oleh Naib Canselor Prof. Dr. Yahaya Ibrahim yang bertujuan bagi meninjau peluang keusahawanan dalam bidang *agropreneur*. Rombongan ini disertai oleh Pengarah Pusat Keusahawanan UniSZA, Dr. Fakhrol Anwar Zainol, Ketua Unit Ladang FPBSM, Prof. Dr. Mohamad Aziz Taib, Pengarah Pusat Agropolis, Dr. Abd Jamil Zakaria. Turut serta dalam rombongan tersebut ialah Dr. Jamalludin Helmi Hashim dan En. Wan Azmi Wan Mamat dari Pusat Keusahawanan.

Rombongan telah melawat ladang pertanian komersil JPB Asia Pacific Sdn. Bhd. di Pulau Pinang dan disambut oleh CEO, Encik Nazrul Azlan Bachtiar. Mereka telah dibawa untuk melihat hasil pertanian yang sedia ada di tempat tersebut dan mempelajari model pembangunan pertanian komersil yang dilaksanakan. Selepas itu, rombongan meneruskan

lawatan ke Pusat Ternakan Rusa di Lenggong, Perak. Rombongan diiringi oleh Pengurus, Dr. Tarmisal Alimin dan diberikan penerangan ringkas mengenai proses penternakan dan pengurusan ternakan rusa baka *timorensis*, *axis-axis* dan *sambar*.

Rombongan juga telah melawat ke ladang itik Mua Hin Farm Sdn. Bhd. Mereka diraikan oleh pengurus ladang, Mr Ang Pow Eng dan dibawa ke pejabat syarikat untuk diberikan taklimat. Rombongan seterusnya meninjau keseluruhan operasi yang dijalankan di ladang tersebut.

Hasil daripada lawatan ini, pihak Pusat Keusahawanan UniSZA telah merancang untuk bekerjasama dengan pihak terlibat bagi melahirkan *agropreneur* dalam kalangan siswazah khususnya dari FPBSM. Program yang dirancang bakal menjadi pemangkin kepada pembangunan Agropolis di UniSZA Kampus Tembila, Besut, Terengganu Darul Iman.

Certificate in Business Management Skill UniSZA

Program '*Certificate in Business Management Skill*' merupakan satu platform bagi para pelajar tahun akhir UniSZA untuk menambah ilmu berkenaan kemahiran pengurusan dalam mengharungi dunia pasaran pekerjaan setelah tamat belajar nanti. Selain pencapaian akademik yang cemerlang, untuk menyertai program ini para pelajar perlu memiliki kemahiran insaniah yang tinggi termasuk komunikasi secara berkesan, pemikiran yang kreatif dan kritis, kemahiran membuat keputusan, kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan.

Pusat Keusahawanan UniSZA telah menganjurkan program ini bersama pelajar Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) di Peladang Agro Resort, Setiu, Terengganu pada Januari 2014 dengan kerjasama Al-Fateh Training and Consultant.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Keusahawanan UniSZA iaitu Dr. Jamalludin Helmi Hashim. Program ini diatur dalam

bentuk yang mana pelajar bukan sahaja memperolehi ilmu teori tetapi juga digabungkan dengan praktikal yang tidak mungkin dapat diperolehi dalam program yang lain.

Sepanjang program ini berlangsung, para pelajar telah didedahkan dengan kemahiran dan aktiviti yang boleh merangsang minda mereka dalam bidang perniagaan. Mereka dilibatkan dengan pelbagai aktiviti yang mampu menjadikan mereka lebih berdisiplin, mampu menerima kritikan dan menguji tahap pemikiran kreatif dan kritis. Para pelajar juga akan dibimbing untuk terlibat dalam persaingan sihat dalam kalangan pasukan-pasukan lain sepanjang mengikuti program ini.

Penganjuran program ini diharap dapat diteruskan untuk pelajar dari fakulti-fakulti lain supaya mereka dapat menerima pendedahan yang berkesan dan meluas dalam bidang perniagaan sebagai persediaan sebelum tamat pengajian nanti.

Soalan Temu Bual Pengarah Kampus Tembila

Kampus Tembila merupakan kampus ketiga UniSZA di Terengganu. Bolehkah YBhg. Prof. kongsi pengalaman ketika kampus Tembila ini mula-mula beroperasi pada tahun 2013 dan perubahan serta perkembangannya kini?

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Buletin UniSZA yang sudi menemu ramah saya pada petang ini. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan UniSZA kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk mentadbir UniSZA, Kampus Tembila.

Staf Pejabat Pengarah Kampus (PPK) Tembila mula menjalankan tugas pada awal Jun 2013. Kumpulan pertama staf PPK terdiri daripada sebelas orang termasuk saya, iaitu lima orang daripada kumpulan staf akademik dan enam orang daripada kumpulan sokongan. Pada masa itu, PPK terletak di bangunan Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Kampus (JPPK) atau lebih dikenali sebagai Bangunan Kaca.

Apabila kami berpindah pada bulan Jun, bangunan asrama sudah siap dibina. Walau bagaimanapun, bangunan-bangunan Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) di Blok D dan Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan (FPBSM) di Blok F masih dalam pembinaan.

Pada awal bulan Julai 2013, pihak universiti telah menetapkan supaya kakitangan dan pelajar dari FIK dan FPBSM berpindah ke Kampus Tembila pada bulan September iaitu apabila semester 1, sesi 2013/2014 bermula. Hal ini amat membimbangkan saya kerana banyak infrastruktur seperti kompleks pendingin hawa dan sistem internet masih dalam pembinaan. Malah, dewan kuliah, makmal dan bilik-bilik pensyarah belum dilengkapi dengan peralatan yang diperlukan. Ini bermakna pihak kontraktor perlu menyiapkan segala kemudahan dalam masa tiga bulan supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar.

PPK dengan kerjasama JPP dan JKR telah mendesak pihak kontraktor supaya menggandakan usaha mereka untuk menyiapkan sekurang-kurangnya Blok D bagi menempatkan pensyarah dan kakitangan bukan akademik dari kedua-dua fakulti FIK dan FPBSM. Pada masa itu, kompleks asrama yang boleh memuatkan 621 orang pelajar perempuan dan 294 orang pelajar lelaki telah siap sepenuhnya dan hanya menunggu untuk dilengkapi dengan perabot, langsir dan ATM (*Automatic Teller Machine*).



Pada masa yang sama pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah membina lapangan sementara bagi bola tampar dan futsal di tempat letak kereta asrama supaya pelajar dapat beriadah. Pihak HEPA juga telah menyediakan 15 buah basikal dan tujuh buah kayak untuk kegunaan pelajar.

Tarikh keramat 6 September menyaksikan pelajar mendaftar di asrama Kampus Tembila seawal 8.30 pagi. Kami telah menjangkakan banyak masalah kecil akan dihadapi oleh pelajar di asrama memandangkan bangunan ini tidak pernah diduduki. Oleh itu, kami dari Pejabat Pengarah Kampus, pejabat asrama dan JPP berkampung di asrama untuk memastikan masalah yang dihadapi oleh pelajar dapat diatasi dengan segera.

Untuk mengatasi masalah ketiadaan mesin ATM dan kedai bahan keperluan harian, pihak universiti telah menyediakan bas untuk ke bandar Jerneh dan Kuala Besut dengan percuma yang bergerak dua kali sehari, iaitu pada waktu tengah hari dan petang selama sebulan. Ini untuk membolehkan pelajar membeli bahan keperluan dan mengambil wang daripada ATM.

Alhamdulillah, pelajar memahami masalah yang kita hadapi. YBhg. Naib Canselor Prof. Dr. Yahaya Ibrahim dan YBhg. Timbalan Naib Canselor HEPA Prof. Madya. Dr. Nik Wan Omar, telah banyak membantu untuk melegakan keadaan dengan bertandang ke asrama untuk berdialog dengan pelajar sekali gus memberi semangat kepada pelajar yang dianggap sebagai 'peneroka' di Kampus Tembila.

Kebanyakan masalah yang dinyatakan dapat diselesaikan dalam kadar yang segera dengan



kerjasama pihak HEPA dan JPP yang prihatin tentang kebajikan pelajar. Harapan kita adalah untuk menyediakan kemudahan yang terbaik kepada para pelajar.

Apakah antara perancangan dan strategi YBhg. Prof. bagi mewujudkan suasana kampus yang harmoni, aktif dan kondusif untuk warga UniSZA sama ada di sekitar blok akademik mahupun kolej kediaman di Kampus Tembila?

Pelajar yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan perlu diberi peluang sepenuhnya untuk melengkapkan diri mereka dengan ilmu akademik dan kemahiran insaniah sebelum bergraduat dari UniSZA. Oleh itu, kami di Kampus Tembila sentiasa berusaha sedaya upaya untuk menyediakan suasana kampus yang kondusif untuk menyokong aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi mencapai kedua-dua objektif ini.

Pihak kontraktor hanya dapat menyerahkan bangunan FIK untuk didiami pada bulan September. Pihak kontraktor gagal menyiapkan bilik kuliah dan makmal-makmal di FPBSM. Keadaan ini telah memberi sedikit cabaran kepada kita untuk menyediakan kemudahan bilik kuliah dan kelas makmal kepada para pelajar FPBSM yang akan berpindah ke Kampus Tembila. Selepas berbincang dengan Dekan FPBSM, Prof. Dr. Mohd Zakaria Ismail, kami memutuskan hanya empat kumpulan pelajar dari fakulti tersebut perlu dipindahkan ke Kampus Tembila. Mereka terdiri daripada pelajar tahun satu dan dua program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan dan pelajar tahun satu program Bioteknologi Pertanian dan program Pengeluaran dan Kesihatan Haiwan. Kami merancang supaya kuliah mereka diadakan di FIK. Oleh kerana kelas makmal terpaksa dijalankan di Kampus Kota, kami terpaksa mengatur jadual kelas makmal supaya memudahkan pengangkutan pelajar dari Kampus Tembila ke Kampus Kota. Perjalanan dengan bas dari Kampus Tembila ke Kampus Kota yang terletak di Bandaraya Kuala Terengganu mengambil masa

lebih kurang dua jam. Kami aturkan supaya dalam perjalanan balik ke Kampus Tembila mereka dapat berhenti di pasar raya untuk membeli barang keperluan.

Mulai semester dua yang bermula pada bulan Februari baru-baru ini, sebahagian daripada pelajar telah mengikuti kuliah dan kelas makmal mereka di bangunan FPBSM. *In shaa'Allah*, FPBSM akan dapat beroperasi sepenuhnya di Kampus Tembila mulai sesi akademik 2014/2015 iaitu pada bulan September tahun ini.

Kini, bilik kuliah, auditorium dan makmal di bangunan FPBSM telah siap sepenuhnya. Oleh itu, peralatan makmal dari Kampus Kota akan dipindahkan secara berperingkat supaya tidak mengganggu pelajar tahun akhir yang sedang menjalankan kajian mereka di Kampus Kota.

Bangunan FIK dan FPBSM mempunyai reka bentuk yang menarik dan ruang yang luas serta sesuai untuk aktiviti akademik dan bukan akademik. Dekan-dekan fakulti diberi kebebasan untuk merancang program yang difikirkan sesuai untuk pelajar. Pejabat Pengarah Kampus dengan kerjasama JPP akan sentiasa membantu pihak fakulti untuk menjayakan aktiviti yang dirancang.

Kampus ini pada asalnya merupakan kawasan penanaman tembakau, keledek dan labu. Oleh itu, sekiranya kita melihat di sekeliling kampus, tiada pokok-pokok besar yang dapat memberi teduhan kepada kawasan kampus. Kami sedang berusaha untuk menghijaukan kampus dengan pelbagai jenis pokok buah-buahan dan pokok hutan supaya kampus ini menjadi kawasan hijau dan indah dengan hiasan pokok yang menarik di sekitarnya. Untuk itu kami telah menganjurkan 'Hari Cakna Alam 2014' pada 26 Februari lepas, di mana lebih kurang 700 pokok telah ditanam di sekitar bangunan FIK dan FPBSM oleh pelajar dari kedua-dua fakulti tersebut. Kini, kami sedang menyediakan tapak untuk menanam 1000 pokok lagi di sekitar asrama dan bangunan FPBSM. *In sha'Allah*, dalam masa dua hingga lima tahun kampus kami akan menjadi sebuah kampus dalam taman dan sudah tentunya kami akan dapat memetik buah mangga, kelapa dan jambu di kampus.

Selain itu, kami juga mempunyai rancangan untuk membina trek di sekeliling tasik yang terletak di hadapan FIK dan FPBSM. Dengan adanya sembilan ekor itik dan lima ekor angsa yang tinggal di sekitar tasik, ia telah menambah kecantikan kawasan tasik tersebut. Kami juga telah meletakkan beberapa buah bangku di sekeliling kolam supaya pelajar dan pengunjung dapat menikmati keindahan tasik tersebut. Pengunjung boleh memberi makanan kepada itik dan angsa serta 300 ekor ikan tilapia merah dan 200 ekor anak ikan siakap yang kami masukkan ke dalam kolam.

Selain daripada menyediakan 15 buah basikal, pihak HEPA juga telah menyediakan tujuh buah kayak yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar untuk berkayak di tasik pada waktu petang.

Di kompleks asrama pelajar pula, terdapat sebuah surau yang boleh memuatkan 700 orang jemaah. Pengarah Pusat Islam UniSZA telah menempatkan dua orang petugas dari Pusat Islam UniSZA untuk membimbing aktiviti kerohanian di surau tersebut.

Pada bulan Februari yang lepas, kami telah menyiapkan satu bilik khas di kompleks asrama untuk digunakan oleh Majlis Perwakilan Pelajar sebagai bilik operasi. Saya berharap kemudahan ini dapat dimanfaatkan oleh pelajar untuk berbincang, merancang dan seterusnya melaksanakan aktiviti yang akan memberi manfaat kepada warga kampus.

Pihak asrama juga telah melantik sembilan orang ahli Majlis Kolej Kediaman (MKK). Dengan kerjasama pihak asrama, mereka telah menganjurkan banyak aktiviti pelajar di asrama. Antaranya aktiviti kelas agama dan majlis iftar pada setiap hari Isnin dan Khamis. Mereka juga mengadakan beberapa lagi aktiviti seperti sambutan *Earth Hour* pada 29 Mac.

Sebagai kampus yang baharu dibangunkan, permasalahan yang timbul berkaitan penempatan dan kemudahan merupakan suatu perkara yang normal. Bagaimana YBhg. Prof. mengambil langkah strategik dalam usaha menangani sebarang permasalahan daripada warga UniSZA khususnya para pelajar?

Pelajar UniSZA di Kampus Tembila sekarang ini tidak menghadapi masalah penempatan. Asrama yang ada boleh memuatkan kesemua pelajar seramai 915 orang, iaitu 294 siswa dan 621 orang siswi. Walau bagaimanapun, dengan pertambahan bilangan pelajar dari FPBSM yang akan berpindah ke Kampus Tembila dan pertambahan seramai lebih kurang 30 orang pelajar daripada program baharu di FIK, kami menjangkakan hanya sebahagian kecil akan mendapat penempatan di dalam kampus. Sebagaimana yang sedia dimaklumi, sekarang ini amat sukar untuk mendapat rumah sewa yang sesuai di sekitar Kampus Tembila. Ini diperakui oleh beberapa orang staf UniSZA yang berpindah dari Kampus Gong Badak ke Kampus Tembila. Sewa rumah juga sudah semakin tinggi.

Kami telah meninjau beberapa bangunan kepunyaan Yayasan Negeri Terengganu yang terletak di bandar Besut untuk dijadikan asrama pelajar. Sebagai langkah penyelesaian jangka panjang, UniSZA perlu menambah kompleks asrama untuk menampung pertambahan bilangan pelajar pada masa akan datang.

YB En. Mohd Mahdi Musa, ADUN Kota Putera dalam ucapan perasmian 'Program Cakna Alam 2014' yang diadakan di Kampus Tembila pada 26 Februari lepas telah mencadangkan pembangunan sebuah bandar baharu di sekitar kampus ini. Cadangan ini akan dapat menyelesaikan masalah penempatan jangka panjang bagi staf UniSZA. Satu lagi strategi, cadangan melibatkan pembinaan rumah sewa

oleh UniSZA di dalam kawasan Kampus Tembila berkeluasan hampir 1000 ekar.

Kami telah memohon kerjasama daripada Bahagian Sukan HEPA untuk menyediakan lapangan sementara yang dibina di perkarangan asrama. Antara yang dibina ialah padang bola tampar, futsal dan lapangan memanah. HEPA juga membekalkan 15 buah basikal yang boleh dipinjam oleh pelajar untuk berbasikal dalam kawasan kampus. Memandangkan sambutan yang amat baik daripada pelajar, pihak HEPA akan menambah 15 buah basikal lagi dalam masa terdekat.

Kemudahan untuk beriadah telah ditambah lagi dengan penghantaran tujuh buah kayak ke Kampus Tembila. Aktiviti berkayak di tasik UniSZA, Kampus Tembila mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para pelajar. Jumlah kayak perlu ditambah untuk membolehkan lebih ramai pelajar menyertai sukan ini. Sebuah padang bola juga sudah siap dibina di luar kawasan asrama dan akan dapat digunakan tidak lama lagi.

Masalah ketiadaan perpustakaan yang tetap, dewan peperiksaan dan bangunan pentadbiran akan dapat diatasi dengan peruntukan tahun ini iaitu sebanyak RM16 juta yang kami peroleh khusus untuk pembinaan bangunan-bangunan tersebut.

Memasyarakatkan pelajar dengan komuniti setempat adalah hasrat UniSZA dalam membentuk generasi pelajar yang efektif. Apakah pelan tindakan yang dijalankan oleh pihak YBhg. Prof. dalam meningkatkan usaha jaringan komuniti ini di Kampus Tembila?

Memasyarakatkan pelajar dengan komuniti setempat merupakan agenda penting apabila memegang jawatan Pengarah Kampus Tembila. PPK akan bekerjasama dengan fakulti, MPP dan MKK yang ada di Kampus Tembila untuk menganjurkan aktiviti berkala yang melibatkan masyarakat setempat.

Aktiviti terbaik yang boleh saya kongsi dengan Buletin UniSZA ialah 'Program Cakna Alam 2014' yang telah dianjurkan pada 26 Februari yang lalu. Di samping bertujuan untuk menghijaukan kampus, program ini juga telah melibatkan penyertaan pelajar dari 20 buah sekolah di sekitar daerah Kota Putera, agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Anti Dadah, Jabatan Alam Sekitar, Majlis Daerah Kota Putera, Pejabat Polis Daerah Kota Putera serta masyarakat setempat bersama warga UniSZA.

Aktiviti memasyarakatkan mahasiswa seumpama ini dapat membina hubungan baik antara mahasiswa dan komuniti setempat. Majlis pelancaran telah dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Kota Putera, YB En. Mohd Mahdi Musa yang dihadiri oleh lebih 300 jemputan termasuk pelajar dan pemimpin komuniti setempat seperti Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) beberapa buah kampung berhampiran.

Pada masa yang sama, 'Program Cakna Alam 2014' ini dapat mempromosi UniSZA kepada masyarakat setempat serta dapat memupuk semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan warga kampus dan masyarakat. Program ini juga bertujuan untuk menyalurkan maklumat berhubung kemasukan ke IPTA kepada para pelajar sekolah yang berada di sekitar Kampus Tembila.

Bagaimanakah pihak YBhg. Prof menyokong aspirasi pihak pengurusan UniSZA dalam membentuk para pelajar yang bergiat aktif dalam bidang keusahawanan di Kampus Tembila?

Satu aset penting yang dipunyai oleh UniSZA Kampus Tembila ialah tanah luas yang boleh diterokai untuk pengeluaran hasil tanaman dan haiwan. Keluasan tanah di kampus ini adalah lebih kurang 1000 ekar. Kami juga mempunyai sebuah ladang seluas 200 ekar di Pasir Akar yang terletak lebih kurang 30 kilometer dari Kampus Tembila.

Sebagaimana yang saya katakan tadi, kawasan Kampus Tembila merupakan tempat penanaman tembakau, tembikai dan labu. Tanah di kawasan ini adalah jenis beris yang berpasir dan kurang bahan

organik. Dalam perbincangan saya dengan Dekan FPBSM, Prof. Dr. Mohd Zakaria Ismail, Ketua Pusat Pengajian Sains Tanaman, Dr. Mohd Jamil Zakaria dan Pengarah Ladang UniSZA, Prof. Dr. Mohamad Aziz Taib, kami telah bersetuju untuk menimbang dan menyokong cadangan pelajar atau orang perseorangan untuk menjalankan aktiviti pertanian di tanah UniSZA sama ada di Tembila atau di Pasir Akar. Walau bagaimanapun, kelulusan terakhir terletak kepada keputusan Ahli Mesyuarat Pengurusan Universiti.

Baru-baru ini, sekumpulan pelajar dari FPBSM telah mencadangkan untuk memelihara itik daging di kawasan ladang di kampus ini. Saya menyokong penuh hasrat mereka untuk menggalakkan mereka menceburi bidang keusahawanan.

Saya telah mencadangkan kepada Dr. Mohd Jamil supaya kawasan tanah di ladang yang tidak digunakan oleh pelajar untuk kelas amali boleh diagihkan kepada staf yang ingin menceburi bidang pertanian. Sekurang-kurangnya mereka dapat bersama anak dan keluarga datang ke kebun pada hujung minggu. Aktiviti seperti ini akan dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Dr. Mohd Jamil juga telah bersetuju untuk mengadakan kelas bimbingan kepada sesiapa yang berminat untuk bercucuk tanam di kampus ini.



Kajian Profil Perenggu Minda dan Personaliti Tenaga Akademik Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Prof. Dr. Kamaruddin M. Said
 Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad
 Prof. Madya Dr. Azizah Endut
 Morliyati Mohammad
 (kamaruddinsaid@unisza.edu.my)

Penyelidikan ini adalah mengenai profil perenggu minda (*mindsets*) dan personaliti tenaga akademik Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Seramai 175 responden meliputi warga kampus utama di Gong Badak, Kampus Kota di Kuala Terengganu dan Kampus Tembila di Besut, Terengganu.

Konsep 'perenggu minda' merujuk kepada persepsi dan pendirian seseorang pada suatu masa mengenai pelbagai perkara yang mempengaruhi dan mendorongnya bertindak atau melakukan sesuatu. Dalam konteks ini, diandaikan bahawa, jika perenggu minda seseorang itu adalah positif terhadap kepemimpinan UniSZA, terhadap UniSZA secara keseluruhan, terhadap masa depan kerjayanya, terhadap keperluan kemahiran berbahasa Inggeris dan pembinaan jaringan antarabangsa, serta terhadap kepemimpinan negara Malaysia maka individu berkenaan juga akan bertindak melakukan banyak perkara yang positif. Ini baik untuk individu berkenaan, baik untuk UniSZA dan baik untuk negara Malaysia.

Konsep 'personaliti' merujuk kepada sifat peribadi pembawaan semula jadi seseorang yang digolongkan oleh para psikologis kepada lima jenis '*big five personality traits*', iaitu: terbuka dan bersedia menerima pengalaman baharu (*openness to experience*), unggul-seimbang (*conscientiousness*), peramah dan bersedia membina jaringan kerjasama (*extraversion*), akur dan peka kepada keharmonian kumpulan (*agreeableness*) dan beremosi negatif (*neurotism*).

Lapan puluh soalan dalam daftar soal selidik digubah dan dikemukakan kepada para responden dengan tujuan untuk menyelami komposisi perenggu minda dan personaliti mereka secara kolektif. Enam soalan awal adalah mengenai latar belakang responden. Dalam kajian ini, perenggu minda dan personaliti individu tidak dapat dikenal pasti kerana penyelidikan ini tidak merekodkan identiti setiap responden. Oleh itu, deskripsi tentang profil perenggu minda dan personaliti ini dikemuka secara memberikan gambaran kolektif dan umum. Analisis silang boleh dilakukan untuk mendapatkan gambaran yang lebih terperinci. Namun begitu, dengan bilangan responden yang kecil (175 sahaja), maka analisis silang akan menghasilkan gambaran yang agak kasar.

Walau bagaimanapun, untuk mendapatkan pola umum tentang profil perenggu minda dan personaliti ini, sampel yang kecil ini dirasakan telah dapat diguna pakai.

Laporan ringkas ini sekadar memfokus pada empat isu penting: (a) perenggu minda terhadap kepemimpinan dan pelan transformasi UniSZA, (2) kualiti perenggu minda dan personaliti tenaga akademik, (3) sikap terhadap bahasa Inggeris dan jaringan antarabangsa dan (4) sikap terhadap Kerajaan Pusat. Namun begitu, tafsiran yang lebih kompleks boleh dibuat berdasarkan data yang telah terkumpul.

Perenggu Minda Positif Terhadap Kepimpinan dan Pelan Transformasi UniSZA: Sebanyak 12 soalan telah dikemukakan dalam daftar soal selidik yang mana jawapannya secara keseluruhan dapat membayangkan perenggu minda tenaga akademik terhadap gaya kepemimpinan dan pelan transformasi yang telah diperkenalkan oleh Naib Canselor UniSZA, sejak setahun lalu. Data menunjukkan bahawa responden yang mewakili tenaga akademik UniSZA menyokong sepenuhnya kepemimpinan Naib Canselor UniSZA dan pelan transformasi yang diperkenalkannya (85.1%). Pucuk pimpinan UniSZA dianggap sedang menjalankan tugas dengan cemerlang (73.8%). Sebahagian besar (73.1%) responden berasa mendapat semangat baharu untuk bekerja dan berusaha lebih gigih (untuk faedah peribadi dan UniSZA) dan hanya sebilangan kecil (9.7%) yang berasa takut apabila mendengar pelan transformasi UniSZA yang dibentangkan oleh Naib Canselor (pada 1 Julai 2013). Walaupun terdapat sebilangan kecil (18.3%) yang berpendapat, UniSZA tidak perlu bersaing dengan IPTA lain yang telah matang dan mantap, sebahagian besar (73.7%) kini berasa bangga menjadi warga akademik UniSZA dan sangat ramai (86.3%) yakin bahawa UniSZA akan menjadi sebuah universiti yang berprestasi cemerlang lima tahun daripada sekarang.

Jadual 1: Soalan dan Skor Berkaitan Kepimpinan dan Transformasi UniSZA

Bil.	Bil. Soalan dalam Daftar Soal Selidik	(A) Soalan Berkaitan Kepimpinan dan Transformasi UniSZA	Peratusan Menjawab Setuju dan Sangat Setuju
1	12	Jika boleh, saya mahu anak-anak saya belajar di UniSZA (kerana saya yakin dengan kualiti UniSZA).	55.4%
2	19	Saya sangat berbangga menjadi warga akademik UniSZA, walaupun pencapaiannya masih rendah.	73.7%
3	21	Gaya kepimpinan Naib Canselor UniSZA kini telah membangkitkan semangat saya untuk bekerja keras.	73.1%
4	35	Saya rasa pucuk pimpinan UniSZA sekarang ini sedang menjalankan tugas dengan cemerlang.	73.8%
5	80	Saya sokong idea Naib Canselor kerana pada saya, mentransformasikan UniSZA adalah satu ibadah.	85.1%
6	22	Saya berasa Ucapan Tahunan Naib Canselor 2013 itu sangat menakutkan warga UniSZA.	9.7%
7	36	Saya rasa UniSZA <u>tidak</u> perlu bersaing dengan IPTA lain di Malaysia yang lebih kanan dan telah mantap.	18.3%
8	45	Saya rasa UniSZA akan berjaya menjadi universiti yang cemerlang dalam masa 5 tahun lagi	86.3%
9	30	Saya rasa UniSZA memerlukan kepimpinan yang tegas dan tidak bertolak-ansur bagi mempertingkatkan rankingnya.	32%
10	14	Saya berpuas hati dengan pangkat saya sekarang dan <u>tidak</u> akan berusaha untuk mencapai pangkat lebih tinggi lagi.	5.7%
11	49	Sepanjang kerjaya saya, saya pernah menerima anugerah anjakan gaji dan khidmat cemerlang.	60.5%
12	66	Saya rasa pucuk kepimpinan UniSZA <u>patut</u> menghukum tenaga akademik yang tidak memperlihatkan prestasi cemerlang	23.4%

Kualiti Tenaga Akademik UniSZA: Terdapat 24 soalan dalam daftar soal selidik yang disediakan bertujuan menyelami kualiti perenggu minda dan personaliti para responden. Umumnya, para responden mempunyai perenggu minda yang positif terhadap kerjaya dan peluang untuk mendapat ganjaran yang setimpal dengan usaha masing-masing. Data menunjukkan bahawa hanya 4% sahaja responden yang mengakui bahawa bekerja sebagai tenaga akademik bukanlah kerjaya yang tepat bagi mereka. Walaupun 28.6% responden mengakui bahawa mereka pernah bercita-cita menjadi usahawan atau peniaga, namun 92% berpendapat bahawa bekerja dalam bidang akademik adalah satu pilihan yang tepat (4% lagi tidak pasti). Sebahagian besar mereka (90.9%), tidak menyalahkan pucuk pimpinan UniSZA yang lalu

walaupun mereka belum berjaya mencapai kenaikan pangkat yang mereka cita-citakan. Sebahagian besar daripada responden (90.3%) sangat berminat menjalankan penyelidikan, bagaimanapun sebilangan kecil sahaja (30.8%), mempunyai penerbitan lima makalah dalam jurnal berwasit dan 40% mempunyai penerbitan dalam bentuk buku. Terdapat sebilangan besar responden (81.1%), yang menyatakan bahawa mereka mempunyai manuskrip makalah atau buku yang akan diterbitkan pada 2014.

Sebahagian besar responden 95.5%, menyatakan bahawa mereka sentiasa bersedia menghadapi cabaran, 95.4% berminda terbuka dan tidak takut menerima idea baharu manakala 98.9% bersedia bekerjasama dalam kumpulan. Hanya sebilangan kecil responden yang merasakan diri mereka telah

22 Rencana

kehilangan motivasi untuk bekerja dengan cemerlang (13.7%) dan 38.8% berpendapat bahawa 'suasana di sekeliling' mereka tidak memungkinkan mereka berupaya mendaki tangga kerjaya. Selain itu, sebahagian besar (72%) menyatakan bahawa mereka bersedia mempertahankan integriti walaupun terpaksa mengorbankan persahabatan dan 96% menyatakan bahawa mereka suka melaksanakan tugas secara sukarela sebagai bakti kepada masyarakat.

Sikap Terhadap Kerajaan Pusat: Lapan soalan disediakan untuk bahagian ini. Terdapat 62.3% daripada responden yang berpendapat bahawa 'golongan ulama Islam' patut diberikan kuasa memerintah negara ini (21.1% lagi berpendirian tidak pasti). Namun begitu, sebahagian besar responden (74.8%) mengaku bahawa kejayaan mereka setakat ini banyak dibantu oleh pihak Kerajaan Pusat, malah 92% responden berterima kasih kepada pihak

Kerajaan Pusat kerana menyediakan peluang untuk mereka mencapai kejayaan. Bilangan yang sangat besar, 97.2% responden berbangga menjadi rakyat Malaysia dan akan mempertahankan kedaulatannya. Hanya 54.3% responden berpendapat bahawa 'pemimpin Kerajaan Pusat' adalah sumber inspirasi, motivasi dan faktor terpenting yang membantu kejayaan mereka. Peratusan yang lebih kecil (36%), berpendapat bahawa Kerajaan Pusat telah pun mempunyai sistem pentadbiran yang adil, bersih, cekap dan amanah. Namun, sebahagian besar (75%) bersetuju bahawa Malaysia perlu berusaha untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 dan majoriti (60%) berpendapat bahawa Kerajaan Pusat perlu meneruskan pemberian subsidi kepada orang Melayu bagi membolehkan mereka mencapai kejayaan hidup.

Jadual 2: Soalan dan Skor Berkaitan Sikap Terhadap Kerajaan Pusat

Bil.	Bil. Soalan dalam Daftar Soal Selidik	(C) Soalan Berkaitan Sikap Terhadap Kerajaan Pusat	Peratusan Menjawab Setuju dan Sangat Setuju
1	23	Saya berterima kasih kerana kejayaan saya setakat ini banyak dibantu oleh pihak Kerajaan Pusat.	74.8%
2	25	Pemimpin Kerajaan Pusat, pada saya ialah sumber inspirasi, motivasi dan faktor terpenting yang membantu kejayaan hidup saya.	54.3%
3	42	Orang Melayu sudah boleh mencapai kejayaan sosial dan ekonomi tanpa bantuan subsidi pihak Kerajaan Pusat.	36.6%
4	44	Saya sangat berterima kasih kepada pihak Kerajaan Malaysia kerana menyediakan peluang bagi saya mencapai kejayaan.	92%
5	52	Saya rasa Kerajaan Pusat mempunyai sistem pentadbiran yang adil, bersih, cekap dan amanah.	36%
6	53	Ketika menyambut ulang tahun kemerdekaan Malaysia, saya turut mengibarkan Jalur Gemilang.	69.1%
7	60	Saya sangat berbangga menjadi rakyat Malaysia dan saya akan mempertahankan kedaulatannya.	97.2%
8	76	Saya rasa, Malaysia <u>tidak perlu</u> terlalu ghairah untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.	22.3%

Sikap Terhadap Bahasa Inggeris dan Jaringan Antarabangsa: Tujuh soalan disediakan untuk bahagian ini. Sebahagian besar responden (85.7%), menyatakan bahawa setiap hari mereka berusaha keras memperbaiki kecekapan berbahasa Inggeris, namun hanya sejumlah kecil sahaja (34.3%) yang berlatih bertutur menggunakan bahasa Inggeris bersama kawan-kawan manakala hanya (16%) berkomunikasi dengan keluarga menggunakan bahasa Inggeris. Hal ini tidak menghairankan kerana hanya 25.1% responden yang mempunyai pengalaman belajar di negara-negara berbahasa Inggeris. Namun begitu, kira-kira separuh daripada responden mempunyai tidak kurang lima orang kenalan antarabangsa dalam bidang akademik atau bidang pengkhususan mereka. Perkara yang agak menarik adalah sejumlah besar mereka (74.3%), tidak merasa gentar membentangkan idea di hadapan khalayak antarabangsa (72% suka membentangkan kertas kerja di persidangan antarabangsa).

Kesimpulan: Secara ringkas, kajian mengenai profil perenggu minda dan personaliti tenaga akademik UniSZA yang melibatkan seramai 175 responden telah menghasilkan data taburan yang memperlihatkan pola perenggu minda yang positif, selari dengan apa yang diharapkan oleh pucuk kepimpinan UniSZA sendiri. Ini

bermakna, pelan transformasi yang diperkenalkan dan dilaksanakan oleh Naib Canselor mendapat sambutan yang menggalakkan. Berdasarkan sampel kajian, sebahagian besar warga akademik UniSZA sedang menyokong pelan transformasi ini. Bilangan yang mempunyai perenggu minda negatif adalah sangat kecil. Selain itu, sejumlah besar warga akademik UniSZA mempunyai motivasi, semangat bekerja dan keinginan bekerja secara berkumpulan yang cukup tinggi. Melalui program pengukuhan perenggu minda (jika diadakan), semangat kekitaan (*esprit de corps*) UniSZA boleh dimantapkan lagi.

Warga akademik UniSZA juga mempunyai profil personaliti yang baik dan tinggi pada unsur berikut: (a) terbuka dan bersedia menerima pengalaman baharu (*openness to experience*), (b) unggul-seimbang (*conscientiousness*), (c) peramah dan bersedia membina jaringan kerjasama (*extraversion*) dan (d) akur dan peka kepada keharmonian kumpulan (*agreeableness*). Mereka yang mempunyai unsur beremosi negatif (*neurotism*) yang ada ternyata sangat kecil bilangannya.

Kesimpulannya, warga akademik akan melangkah sederap dengan pucuk pimpinan ke arah menjadikan UniSZA sebuah institusi keilmuan yang cemerlang.



STOR SENTRAL: A Little Creativity Goes a Long Way

Hamdy Abdullah (Office of The Bursar) & Robiah Ariffin (Information Technology Center)
(hamdy@unisza.edu.my)

Public organizations face challenges to be more responsive to the increasing needs of various stakeholders (Borins, 2006). Rapid environmental changes and uncertainties also demand for flexibility with determined leadership who can inspire employees to participate passionately to fulfil the requirement of users (Nusair et al. 2012). Therefore, organizational innovativeness is the central key towards sustaining a competitive edge. According to Amabile (1996), creativity is defined as *“the production of novel and useful ideas in any domain”* whereas innovation is *“the successful implementation of creative ideas within an organization”*. Novelty of ideas depends on the originality of the idea in a particular organization. The idea may be new and useful to an organization but not necessarily novel to other organizations. Amabile (1996) contends that a creative employee may not necessarily be innovative in the workplace. For instance, an account assistant may be able to identify the shortcomings of the financial system he is currently using and suggest improvements in order to overcome the identified problems. Nevertheless, he may not be able to upgrade the existing system by himself. Therefore, he probably will depend on a system analyst for realizing his ideas. By using this simple illustration, the clerk is considered creative, while the system analyst is innovative in responding to the clerk's suggestions. Nevertheless, if the clerk is able to upgrade or revamp the system by himself, he is noted to have innovative behaviour at the workplace. West and Farr (1989) defined innovative behaviour as those that cause a *“beneficial innovation [to be] be produced and introduced, and then applied to*

all the individual actions in any hierarchy within an organization”. Unlike creativity, innovative behaviour is different since it embraces the initiation of new and useful ideas relating to products, services, processes and procedures (Amabile, 1988) as well as the implementation of those ideas into reality. Thus, innovative behaviour is expected to create innovative output (Jong & Hartog, 2010).


The importance of time management has been given great emphasis to every single Muslim. In the Holy Quran, there are many verses concerning time management. Among them, Allah has said in chapter al-‘Asr in the first three verses, *“By the declining day, (1) Lo! man is in a state of loss, (2) Save those who believe and do good works, and exhort one another to truth and exhort one another to endurance. (3)”*. Realizing this fact, much of our daily business has the potential to be simplified for the benefit of human kind. As the central theme, time management has been given great concern to public servants towards effectiveness and efficiency of the organizational operation. In order to succeed, creative and innovative thinking is required (Certo & Certo, 2009) towards the realization of transformation in the workplace.

STOR SENTRAL has become a joint project between the Information Technology Center and Office of the Bursar since 2011. Without any additional cost, the system has been identified as a creative and innovative solution to speed up the application process for the use of office supplies for all UniSZA campuses. This innovative output was developed in response to increasing complaints from users due to the lateness of receiving office supplies.

Figure 1 – The Main Features of STOR SENTRAL Accessible Via Staff Portal



Figure 2 – The Initial Modules of STOR SENTRAL




Prior to the introduction of STOR SENTRAL, the claim process was performed manually at the respective Centres of Responsibility as well as at the Office of the Bursar since 2006. There was no single system to cater to the needs in order to record applications received from various users. Besides, the stock movement was also manually recorded at The Main Store in response to every request made by the users. Due to the increasing demands from various users, the stock records had become more and more tedious. Eventually, the existing workflow at the Main Store slowed down and impeded the claim process resulting in delayed delivery to the users. Besides, the absence of staff to verify every

application contributed to this delay. Therefore, a system was developed in response to this timeline issue by considering all of the root causes.

There are five processes of workflow in STOR SENTRAL. Firstly, through the staff portal, authorized users need to apply for the necessary items by quantity. All of the items offered can be viewed in the STOR SENTRAL catalogue. Secondly, staff perform verification in order to validate that those items are for official use. Thirdly, the approver at the Main Store performs authorization for respective applications. Fourth, the storekeeper performs packing for the approved items. Finally, users may retrieve the required items at the Main Store.

Figure 3 – The Workflow Involved When Using STOR SENTRAL



STOR SENTRAL was proven to speed up the initial period of claim process from 234 minutes to 35 minutes (which is equivalent to an 83% reduction) for every application received from Kampus Kota to Kampus Gong Badak. The system was also equipped with an e-catalogue in order to assist users with planning.

Table 1 – Comparisons of Time Measurement

Time Measurement	Before	Pilot Test 1	Pilot Test 2	Monitoring	Continuous Monitoring
Minutes	234	117	40	35	35

Today, the application process has become more effective and efficient when compared to the previous system. Obviously, STOR SENTRAL is making the process more transparent for all users due to the fact that every application process is monitored accurately. With the introduction of the system, it has exposed ICT-based workforce to the supporting staff. The system is definitely in line with the call towards e-government as well as supporting green technology. STOR SENTRAL is expected to enhance customer satisfaction and organizational image. Indeed, a little creativity goes a long way for UniSZA.

The Water Taxi Operators Commitment

Dr Bahyah Binti Abdul Halim
(bahyahahlim@unisza.edu.my)

The Water Taxi services started in the early 1950s at the Terengganu River operating from the Syahbandar Jetty to the Kg. Seberang Takir Jetty. It takes only 10 minutes to travel across the Terengganu River. The Water Taxi service operates to support the village people or tourists to commute from the village to the Waterfront Heritage City. The Water Taxis are built traditionally by the local Terengganu community. Before the construction of the Sultan Mahmud Bridge, the Water Taxi was an important mode of transportation. According to Cooke et al. (2007), Water Taxi Operators provide sufficient services for the local community and traders to transport goods. At present, there are only 21 active boats, with Water Taxi Operators, providing their services to the community as well as local and foreign tourists. The Water Taxi services were previously used by many because it was the only mode of transportation from Kg. Seberang Takir to the Waterfront Heritage City. Nevertheless, the Water Taxi is still currently operating to cater to the locals in transporting their goods or for them to commute to the Waterfront Heritage City. According to Cooke et al. (2007) the Water Taxi services and operation is not a lucrative job. However, the passion and love towards the sea encourages these Water Taxi Operators to provide their services. Allen & Meyer (1990), Meyer, et al. (2002) and Hattrup et al. (2008) described the operation as a person who is emotionally attached toward the job and who felt the enjoyment of doing work, feeling good and felt very satisfied with one self.

Allen & Meyer (1990) suggested the Three Component Model of Commitment which includes:

- *Continuance commitment* is the people's strength or desire to remain doing their job and will always think that it is too costly for them to leave. Continuance commitment also shows that the person hesitates to lose their investments in the current job such as good relationship with fellow workers or enjoys the seniority privileges offered by the current job.
- *Affective commitment* is when a person agrees with the organization's vision and is able to share the values of the organization. The person will enjoy doing the work and is emotionally attached to the job.
- *Normative commitment* is the concern about what others would say if the person leaves the job. The person is reluctant to disappoint the employers and will be very concerned with their fellow colleagues. The person will feel that it is his obligation to work and stay with the organization, he will feel unhappy in not doing so.



According to Allen and Meyer (1990), affective commitment lets the individual understand the reason why he loves and maintains the behaviour. It is not for any other reason, but purely for the person's own self-satisfaction and wants. The Water Taxi Operators are very determined and very committed to their job despite the long working hours, low wage, humid working environment, high cost of boat maintenance and repairs low water taxi users and no promotional efforts for their services. It is suggested by Greenberg & Baron (2003), Nelson & Quick (2002) and Slocum & Hellriegel (2008) that people may feel happy and will not leave for other jobs because of their passion for the current job even though the prospects are very low.

These Water Taxi Operators are concerned about preserving the heritage of Terengganu, living their peaceful life with the culture and making a decent income from the water taxi operations and services. The Water Taxi Operators are happy with their job and very committed in providing their services to the community. However, they are not sure whether it is appropriate for them to further their services further. They are uncertain of their capabilities. But, they did participate in all of the events organized by the State Government to ensure their cooperation with the tourism industry in Terengganu is not compromised. Therefore, they have the enthusiasm and willingness to improve and change their livelihood if they were given the opportunity to do so.

The operators are very committed to the job because of their love and passion towards the sea and the boats. They have been fishermen before, so by having the opportunity to drive boats even though for a very small income, it is very satisfying for them. And with determination, they manage to support their family with the money they earn from the Water Taxi operations. This indicates that the Water Taxi Operators are happy with their work and they want the operations to continue for their

livelihood (Cooke, 2007) and at the same time to preserve the Terengganu heritage tourism industry. According to Slocum & Hellriegel (2007), people who are very highly committed towards their job will always do their very best and will overlook the minor sources of job dissatisfaction. These people will also have a long tenure with the organization. A less committed individual however will always express their dissatisfaction and will openly share their dissatisfaction with members of the organization. Mowday et al. (1982) suggests that organizational commitment is characterized by an individual's support and acceptance of the organization's vision, people's willingness to exert considerable effort on behalf of the organization and people's desire to remain and stay committed with the organization.

They also emphasized the willingness to be part of the Water Taxi operations by observing their response that it never crosses their mind to quit the job, because the Water Taxi operation is their livelihood and they are happy doing the job. Nevertheless, they also indicated that only their deteriorating health and energy level will make them stop doing the job. This shows their enthusiasm and commitment towards the job. Allen & Meyer (1990) suggested that people who display a high intention to stay with the job or organization indicate the high affective commitment towards the job. Though the Water Taxi Operators have the opportunity to leave the job for better pay and benefits, they hesitated in doing so.

Based on observations made during the visits to the jetty, it was found that the opportunity to come to work at the jetty makes them happier, allows them to socialize with friends, exchange stories and have a good workout for their physical and mental health. According to George & Jones (2008) and Novotney (2010), socialization and good relationships at work can enhance a person's motivation, esteem and at the same time boost their morale. Strong affective commitment displayed by the Water Taxi Operators in doing their job gives a positive impact towards the Water Taxi operations. Even though the Water Taxi operation is declining, the enthusiasm displayed by these Water Taxi Operators boosts a vibrant energy level amongst them (Greenberg & Baron, 2003; Novotney 2010). Therefore, the efforts to maintain the Water Taxi operations and upgrading the services is crucial. It is hoped that the operation and services of the Water Taxi can be one of the potential earning sources for the local people in Terengganu and at the same time contribute to the tourism industry.

References

- Allen, N.J & Meyer, J.P. (1990). The measurement and antecedents of affective, continuance and normative commitment to the organization. *Journal of Occupational Psychology*. 63, 1-8.
- Cooke, A.L., Mahon, R. & Mc Conney, P. (2007). The livelihood analysis of the water taxi operators in the Grenadines. *Centre of Resources Management and Environmental Studies*.
- George, J.M. & Jones, G.R. (2008) *Understanding and Managing Organizational Behavior*. 5 Edition. New Jersey. Pearson Education International.
- Greenberg, J. & Baron, R.A. (2003) *Behavior in Organizations*. Upper Saddle River, New Jersey. Prentice Hall.
- Hattrup, K., Mueller, K. & Aguirre, P. (2008). An evaluation of the cross-national generalizability of organizational commitment. *Journal of Occupational and Organizational Psychology*. 81, 219-240.
- Meyer, J.P., Stanley, D.J., Herscovitch, L. & Topolnytsky, L. (2002). Affective, continuance & normative commitment to the organization: A Meta-Analysis of antecedents, correlates and consequences. *Journal of Vocational Behavior*. 61, 20-52.
- Muhamad Abi Sofian Abdul Halim, Zainuddin Zakaria, Mohd Tajul Hasnan & Syafini Muda. (2012). The Direction of Terengganu Tourism Industry in Sustaining Business Growth: A Conceptual Framework *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, April 2012, Vol. 2, No. 4.
- Mowday, R.T., Porter, L.W. & Steers, R.M. (1982) *Employee Organization Linkages: The Psychology of Commitment, Absenteeism and Turnover*. New York. Academic Press.
- Nelson, D.L. & Quick, J.C. (2002) *Understanding Organizational Behavior: A Multimedia Approach*. South-Western Thomson Learning.
- Novotney, A. (2010) Boosting Morale. *American Psychological Association*. 41, No. 11, p. 32
- Slocum, J.W. & Hellriegel D. (2008). *Principles of Organizational Behavior*. South- Western Cengage Learning.



Pelancaran Buku Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (P&I) dan Penolong Naib Canselor



Penghasilan karya ilmiah khususnya dalam bentuk buku merupakan salah satu daripada tanggungjawab para pensyarah universiti. Usaha ini dilihat sebagai satu cara bagi menyerlahkan identiti keserjanaan seorang ahli akademik yang berupaya menyampaikan ilmu kepada masyarakat dalam bentuk penulisan. Zaman penulisan artikel dalam jurnal menjadi keutamaan bagi para pensyarah, penghasilan buku sewajarnya tidak dipandang sepi oleh para akademia memandangkan usaha murni tersebut masih perlu diterus dan disemarakkan dalam dunia akademik agar menjadi khazanah ilmu berimpak tinggi buat generasi akan datang.

Pada Majlis Syarahan Tahunan Naib Canselor UniSZA 2014 yang diadakan pada 17 April 2014, satu upacara pelancaran buku telah diadakan. Majlis yang diadakan di Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man, Kuala Terengganu itu dihadiri oleh semua warga UniSZA termasuk Ahli Lembaga Pengarah Universiti. Upacara pelancaran yang disempurnakan oleh Naib Canselor UniSZA, Profesor Dr. Yahaya Ibrahim melibatkan tiga buah buku hasil tulisan tiga individu daripada pihak Pengurusan Tertinggi UniSZA. Naib Canselor UniSZA telah menghasilkan buku

bertajuk *Keusahawanan dan Daya Saing dalam Sektor Pelancongan Pulau*, manakala Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Ekhwan Toriman menghasilkan sebuah buku yang berkaitan dengan bidang kepakarannya bertajuk *Hidrologi Tanah Tinggi dan Tasik*. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat) UniSZA, Profesor Dr. Kamaruddin Mohd Said pula menerbitkan sebuah buku bertajuk *Perpaduan Nasional dalam Pelbagai Perspektif*.

Penghasilan buku-buku tersebut yang ditulis oleh tiga orang individu berjawatan tinggi di UniSZA memberi satu gambaran jelas bahawa tanggungjawab sebagai pentadbir sebuah institusi pengajian tinggi bukanlah alasan untuk meninggalkan usaha menghasilkan buku ilmiah. Usaha murni yang telah ditunjukkan ini perlu menjadi contoh ikutan buat warga akademik UniSZA agar berusaha menghasilkan buku ilmiah dalam bidang masing-masing. Hal ini dilihat sebagai satu inisiatif bagi menyemarakkan budaya ilmu di dalam kampus serta menyerlahkan keserjanaan setanding dengan para sarjana di institusi pengajian tinggi terkemuka sama ada di peringkat nasional mahupun global.



UniSZA Juara Keseluruhan Latihan Kem Tahunan PALAPES Udara IPTA 2014

Kem Pegawai Muda Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Udara Diraja Malaysia (PSSTUDM) dan Pegawai Kadet PALAPES Udara IPTA 2014 merupakan acara tahunan yang dinanti-nantikan oleh para anggota. Program yang menerapkan nilai-nilai kepemimpinan serta jati diri peserta untuk menjadi insan berwibawa kepada bangsa, agama dan negara. Penglibatan skuad PALAPES Udara UniSZA adalah seiring dengan hasrat pengurusan universiti yang mahukan para pelajarnya mempunyai tahap ketahanan fizikal dan mental yang tinggi di samping memupuk sikap disiplin dalam diri pelajar.

Latihan Kem Tahunan PALAPES Udara IPTA 2014 telah berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 18 Januari hingga 2 Februari 2014. Kekuatan keseluruhan latihan edisi ini adalah seramai 743 anggota yang terdiri daripada Pegawai Muda PSSTUDM dan Pegawai Kadet PALAPES Udara dari enam buah universiti iaitu UIAM Gombak selaku tuan rumah, Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kejuruteraan Nibong Tebal, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang.

Majlis perasmian pembukaan kem tahunan tersebut telah disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pasukan Simpanan Tentera Udara (JPSTU), Lt. Kol. Parvez Mohamed Yusuf. Antara jemputan yang turut sama menjayakan majlis ini ialah Pengarah Pusat Asasi UIAM, Mejar (K) Dato' Abdul Rahimi Ahmad PSSTUDM, Penolong Pendaftar Kanan UniSZA, Mejar (K) Ahmad Termizi Ab. Aziz PSSTUDM, Pengarah Credited Co-curricular Activity Centre IIUM, Dr. Che Amnah Bahari, pensyarah serta kakitangan UIAM.

Pelbagai acara telah dipertandingkan merangkumi aspek ketenteraan dan sukan. Skuad PALAPES Udara UniSZA telah membuktikan iltizam mereka apabila berjaya mempertahankan kejuaraan dalam Pertandingan Kawad Kaki dan Acara Menembak Pistol. Selain itu, kontijen UniSZA juga turut merangkul tempat kedua dalam pertandingan Jalan Lasak.

Ekoran kemenangan itu, UniSZA telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan untuk Latihan Kem Tahunan PALAPES Udara IPTA 2014 dan UIAM di tempat kedua. Kemenangan ini membuktikan PALAPES Udara UniSZA adalah setanding dengan skuad PALAPES Udara universiti yang lain malah mampu untuk pergi lebih jauh pada masa akan datang.

900 warga UniSZA bantu mangsa banjir di Kemaman dan Dungun

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan masyarakat adalah satu entiti yang tidak boleh dipisahkan. Keperihatinan UniSZA dizahirkan dengan penubuhan Skwad Sukarelawan Banjir UniSZA bagi membantu mangsa banjir di daerah Kemaman dan Dungun dan ia merupakan satu program khidmat komuniti anjuran Pusat Pembangunan Holistik Pelajar.

Skuad gabungan pelajar dan kakitangan UniSZA seramai 900 orang dibahagikan kepada dua kumpulan dan mereka mula bergerak ke daerah Kemaman dan Dungun secara berperingkat bermula 10 - 21 Disember 2013. Antara kawasan terlibat dan terjejas ialah Mak Cili, Kuala Kemaman, Ibok, Hulu Dungun, Jerangau, Dendang dan Kuala Jengal.

Skuad Sukarelawan Banjir UniSZA telah bergotong-royong membersihkan kawasan yang terjejas. Sukarelawan telah diagihkan secara berkumpulan untuk membersihkan kediaman penduduk serta kemudahan yang berkaitan seperti masjid, dewan orang ramai sekolah dan sebagainya.

Pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada mangsa turut disediakan oleh Pusat Kesihatan UniSZA. Selain itu, pengagihan bantuan keperluan harian seperti beras, minyak masak, gula, tilam, pakaian dan selimut juga disalurkan kerana kebanyakan mangsa tidak sempat menyelamatkan sebarang keperluan.



Sokongan moral juga diberikan kepada mangsa untuk menguatkan semangat mereka agar cekal dan tabah dalam menghadapi musibah. Aktiviti sebegini sedikit sebanyak dapat meringankan beban penduduk serta merapatkan ukhuwah antara warga UniSZA dengan masyarakat. Melalui program ini juga, semangat kerjasama antara satu sama lain dapat disemai dalam membentuk sahsiah pelajar agar sentiasa peka dan prihatin dengan keadaan semasa.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan berjaya. Program seumpama ini akan diteruskan kerana ia merupakan wadah untuk melahirkan generasi yang bertanggungjawab, prihatin dan memupuk nilai murni dalam kalangan mereka.

Program Motivasi Cemerlang SMK Kompleks Gong Badak

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Yayasan Bank Rakyat berusaha mewujudkan budaya cemerlang dalam kalangan pelajar sekolah. Sekteriat Rakan Muda IPT telah diamanahkan untuk mengadakan satu program motivasi cemerlang. Program ini dilaksanakan bersama dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Gong Badak, Kuala Terengganu pada 31 Januari 2014.

Penganjuran program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa UniSZA terutamanya kepada ahli Sekretariat Rakan Muda

IPT UniSZA dalam mengasah bakat kepimpinan mereka dan mendidik pelajar sekolah dengan aktiviti sebegini.

Seramai 29 orang ahli kelab Rakan Muda IPT UniSZA terlibat dalam menjayakan program tersebut. Program ini mendapat sambutan yang baik dikalangan guru-guru dan ibu bapa pelajar sekolah sekali gus mewujudkan jalinan yang baik antara UniSZA dan pihak sekolah. Mereka juga berharap penganjuran program seperti ini akan diteruskan pada masa akan datang.

Perkongsian Kepakaran Akademik dan Teknologi Universiti Isfahan bersama UniSZA



Pada penghujung Februari 2014, pengurusan tertinggi UniSZA yang diketuai oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim telah mengadakan lawatan ke Isfahan. Delegasi UniSZA ini turut disertai oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA, YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Alimuddin Hj. Mohd Dom, Timbalan Naib Canselor (P&I), Prof. Dr. Hj. Mohd Ekhwan Hj. Toriman, dan Penolong Naib Canselor (HEK), Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said. Tujuan lawatan tersebut ialah untuk menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan pihak pengurusan Universiti Isfahan dalam bidang penyelidikan akademik dan kerjasama teknologi. Delegasi UniSZA telah disambut mesra oleh pihak Pejabat Kerjasama Saintifik Antarabangsa, Universiti Isfahan. MoU tersebut telah ditandatangani oleh Prof. Dr. Yahaya Ibrahim dan Naib Canselor Universiti Isfahan, Prof. Dr. Sayed Ibrahim Mirshah Jafari.

Berdasarkan MoU tersebut, kedua-dua pihak bersetuju untuk melaksanakan program pertukaran tenaga akademik, penyelidik dan pakar melibatkan kedua-dua institusi. Warga akademik UniSZA dan Universiti Isfahan juga berpeluang untuk terlibat dalam persidangan, simposium, pertemuan akademik dan sebagainya yang dianjurkan oleh dua institusi ini.

Ketika berada di Tehran, delegasi UniSZA berkesempatan melawat Universiti Tehran. Delegasi UniSZA telah disambut oleh Timbalan Pengarah, Jabatan Hubungan Antarabangsa dan Perancangan, Universiti Tehran, Abdolmajid Eskandari. Delegasi UniSZA turut melawat Fakulti Seni Reka universiti tersebut dan disambut oleh Dekannya, Prof. Dr. Mohammad Mehdi Azizi.

Bagi pengkaji sejarah dan warisan, Isfahan merupakan sebuah tempat yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Ia merupakan sebuah bandar raya ketiga terbesar di Republik

Islam Iran, terletak kira-kira 340 km di selatan Tehran. Isfahan telah wujud sejak 4000 tahun lampau, tetapi ia mula dibangunkan antara tahun 1050 hingga 1722. Pada abad ke-16, Isfahan dijadikan pusat pemerintahan Persia (nama lama Iran) oleh Shah Abbas I di bawah dinasti Safayid. Isfahan menjadi pusat pemerintahan Persia sejak tahun 1598 hingga 1722. Setelah itu, pusat pemerintahan Iran berpindah-randah dan akhirnya kekal di Tehran.

Isfahan ialah pengeluar permaidani yang termasyhur di dunia. Ia juga merupakan wilayah pengeluar fabrik dan pelbagai jenis kraf tangan. Selain itu, dalam wilayah Isfahan terdapat industri besi dan pengeluar logam berkualiti tinggi. Pusat penapisan minyak yang penting di Iran juga berpusat di Isfahan. Pusat penyelidikan nuklear, termasuk reaktor dan prasarana untuk menghasilkan bahan bakar nuklear juga terdapat dalam wilayah Isfahan. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa di wilayah Isfahan terdapat pelbagai pusat penyelidikan yang berfungsi menjana perkembangan ekonomi Iran.

Telah diketahui umum bahawa Isfahan ialah sebuah bandar paling bersejarah di Iran. Lebuhraya yang menghubungkan Isfahan dengan Tehran mempunyai laluan tiga lorong yang moden dan selesa digunakan oleh kenderaan kecil dan berat. Ini kerana, kini Isfahan merupakan sebuah bandaraya yang dikelilingi oleh pelbagai bidang industri, institusi pengajian tinggi dan pusat penyelidikan.

Di Isfahan, terdapat beberapa buah universiti yang mempunyai tradisi penyelidikan yang mantap. Antara universiti yang terkenal ialah Universiti Isfahan, Universiti Teknologi Isfahan, Universiti Sains Perubatan Isfahan, Universiti Kesenian Isfahan, Universiti Kejuruteraan Golfayegan Isfahan, Universiti Teknologi Pertahanan Isfahan dan lain-lain.

Selain itu, Isfahan mempunyai keistimewaan yang tersendiri dari segi warisan seni bina dan seni hias Islam, iaitu antara yang terhebat di dunia. Di Isfahan terdapat Masjid Sheikh Lotfollah, Masjid Imam dan Masjid Jamek yang sangat indah binaan serta hiasan dalamannya.


Masjid Sheikh Lotfollah yang siap dibina pada tahun 1619, merupakan masjid yang digunakan oleh keluarga diraja Shah Abbas I, Bani Safavid. Selain bentuknya yang besar dan lapang, hiasan

dalamannya sangat unik, malah sering disebut sebagai contoh seni hias yang terindah pada abad ke-17. Keindahannya terletak pada hiasan jubin tujuh warna, penggunaan motif bunga-bunga dan geometri yang tentunya membayangkan kemahiran, imaginasi dan ketekunan kerja luar biasa para seniman Parsi ketika itu yang berada di bawah pimpinan Mohammad-Reza Isfahani dan Ali Reza Abbasi. Kini masjid ini dijadikan monumen yang dikunjungi ribuan pelancong setiap hari.

Masjid Imam pula siap dibina pada tahun 1629 dengan mengambil masa selama 18 tahun. Pembinaannya dilakukan atas perintah Shah Abbas I untuk menampung bilangan jemaah fardu Jumaat yang tidak berupaya ditampung oleh Masjid Jamek yang dibina sebelum itu.

Masjid Jamek Isfahan ialah masjid tertua yang mula dibangunkan pada tahun 771, di bawah pemerintahan Dinasti Seljuk, Parsi. Sejak tarikh tersebut hingga abad ke-20, masjid ini sentiasa mengalami proses pembinaan dan pengubahsuaian yang berterusan. Kubah masjid ini ditambah pada tahun 1086, setelah lama masjid ini digunakan untuk solat Jumaat.

Masjid Sheikh Loftollah dan Masjid Imam yang direka bentuk oleh arkitek Sheikh Bahai (Baha' ad-



Din al-'Amili) ini banyak mendapat ilham daripada kemahiran tempatan (daripada peradaban Persia, iaitu sebelum namanya diubah kepada Iran) dan juga kemahiran berasal dari Byzantine (Rome). Hiasan berbentuk 'muqarnas' yang terdapat pada kedua-dua masjid ini adalah unik. Ia merupakan hasil ciptaan para pereka bentuk Islam. 'Muqarnas' ialah motif dan blok hiasan berbentuk stalaktit yang disusun indah menghiasi bahagian bawah kubah.

Masjid Sheikh Loftollah dan Masjid Imam terletak berdekatan antara satu sama lain yang berhadapan dengan laman diraja yang dikenali sebagai Laman Naqsh-e Jahan. Ia merupakan laman yang terbesar di dunia yang dibangunkan pada abad ke-17 dan tersenarai dalam UNESCO World Heritage Site bersama dengan dua masjid tersebut.

MoU UniSZA dan DPP Inkindo, Riau, Indonesia

Satu dimensi baru melibatkan hubungan penyelidikan alam sekitar antara Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Ikatan Nasional Konsultan Indonesia (Inkindo) Riau telah bermula berikutan termeterainya satu memorandum persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani oleh Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) UniSZA dan Dewan Pengurus Provinsi Ikatan Nasional Konsultan Indonesia (DPP Inkindo) Riau, Indonesia pada 10 Februari 2014 bertempat di Hotel Grand Central, Pekanbaru, Indonesia.

UniSZA diwakili oleh Naib Canselor, YBhg. Prof. Dr. Yahaya Ibrahim manakala DPP Inkindo diwakili oleh Ir. H. Firdaus Agus, MP yang merupakan Presiden DPP Inkindo Riau. Antara wakil lain yang hadir pada majlis tersebut dari UniSZA ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Hj. Mohd Ekhwan Hj. Toriman, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat), Prof. Dr. Kamaruddin Mohd

Said dan Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir. Sementara wakil dari DPP Inkindo ialah Drs. Mohamad Yamin.

Antara program kerjasama yang akan dilaksanakan berasaskan memorandum persefahaman ini ialah penempatan latihan untuk pensyarah UniSZA, kemudahan untuk mengikuti program pascasiswazah di ESERI dan UniSZA, kerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan, pembangunan dan inovasi serta kerjasama perundingan (penilaian kesan alam sekitar).

Melalui MoU ini, diharapkan ia memberi satu impak yang besar dalam usaha memantapkan ESERI secara khusus dan UniSZA umumnya ke arah kegemilangan dan pengantarabangsaan akademik dan penyelidikan setanding dengan institusi pengajian tinggi lain di peringkat global.

Prof. Dr. Yahaya Dilantik Sebagai Komandan Kor-SUKSIS UniSZA



Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Komandan Kor-SUKSIS UniSZA kepada Naib Canselor, YBhg. Prof. Dr. Yahaya Ibrahim telah disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pencegahan dan Pembanteras Jenayah, CP Dato' Wira Ayub Haji Yaakub. Majlis yang penuh bersejarah itu telah diadakan di Quinara Al-Safir, Tok Jembal, Kuala Terengganu pada 16 Januari 2014. Turut hadir sama ialah Ketua Polis Negeri Terengganu, DCP Dato' Haji Jamshah Mustapa, Timbalan Ketua Polis Terengganu, SAC Dato' Hamzah Md. Jamil, Ketua Penolong Pengarah, SAC Wan Mohamad Wan Abdullah, Penolong Naib Canselor Hal Ehwai Korporat, Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said, para Dekan Fakulti, para penyelaras Kor-SUKSIS, Palapes Udara dan Askar Wataniah UniSZA, para pegawai PDRM, anggota Kor-SUKSIS UniSZA, pihak media serta wakil dari Pusat Pembangunan Holistik Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar UniSZA.

YBhg. Prof. Dr. Yahya Ibrahim dalam ucapan penghargaannya menyeru kepada setiap anggota Kor-SUKSIS agar terus memberi komitmen yang terbaik dalam aktiviti yang dianjurkan demi mendukung visi dan misi negara. Adalah menjadi kewajipan bagi seluruh anggota untuk terus memelihara dan mempertahankan keutuhan Malaysia daripada segala anasir-anasir luar yang boleh mengancam keselamatan negara.

Kor-SUKSIS UniSZA turut melancarkan Tabung Wira Lahad Datu pada majlis tersebut. Puan Khadijah Ismail yang mewakili keluarga arwah ASP Zulkifli Mamat, yang terkorban dalam serangan pengganas di Lahad Datu, Sabah telah hadir untuk menerima sumbangan. Majlis diakhiri dengan temu bual di antara pihak UniSZA, PDRM dan wakil media.

Taburan Penerima APC dan SPC 2013

BIL	NAMA PTj	APC	SPC	Jumlah
1	Pejabat Naib Canselor	1	7	8
2	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)	1	4	5
3	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	1	1	2
4	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)	3	28	31
5	Pejabat Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat)	-	2	2
6	Pejabat Pendaftar	8	86	94
7	Pejabat Bendahari	5	49	54
8	Pejabat Penasihat Undamg-undang	1	1	2
9	Perpustakaan	5	50	55
10	Pusat Teknologi Maklumat	4	51	55
11	Jabatan Pengurusan Pembangunan Kampus	7	64	71
12	Pejabat Kampus Tembila	1	10	11
13	Pejabat Pengarah Kampus Antarabangsa Kuala Lumpur	-	1	1
14	Jabatan Keselamatan	8	75	83
15	Bahagian Pengurusan Akademik	2	25	27
16	Pusat Pengajian Siswazah	1	6	7
17	Fakulti Pengajian Kontemporari Islam	10	71	81
18	Fakulti Pengurusan Perniagaan & Perakaunan	6	44	50
19	Fakulti Undang-Undang & Hubungan Antarabangsa	2	25	27
20	Fakulti Bahasa & Komunikasi	6	46	52
21	Fakulti Seni Reka & Teknologi Kejuruteraan	4	35	39
22	Fakulti Informatik & Komputeran	4	39	43
23	Fakulti Pertanian, Bioteknologi & Sains Makanan	9	59	68
24	Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan	11	132	143
28	Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI)	1	0	1
29	Pusat Pembangunan Komuniti & Kualiti Hidup	1	2	3
30	Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi	1	8	9
31	Pusat Penataran Ilmu	1	5	6
33	Pusat Komunikasi Korporat & Antarabangsa	1	15	16
34	Pusat Pengurusan Bakat & Kualiti Akademik	1	8	9
35	Kolej Kediaman Kampus Gong Badak	2	25	27
36	Kolej Kediaman Kampus Tembila	1	3	4
38	Penerbit UniSZA	1	3	4
40	Pusat Kesenian & Warisan	1	7	8
41	Pusat Islam UniSZA	1	10	11
42	Pusat Kesihatan UniSZA	1	15	16
43	Pusat Keusahawanan	1	4	5
44	Pusat Pembangunan Holistik Pelajar	1	11	12
46	Pusat Sukan & Rekreasi	1	13	14
49	Unit Audit Dalam	1	7	8
Jumlah Keseluruhan		117	1047	1164




Membangun Budaya Kecemerlangan
Syarahan Tahunan Naib Canselor UniSA 2014
 Penulis: Yahaya Ibrahim
 ISBN: 978-983-9842-74-6

Landskap pengajian tinggi negara diakui semakin mencabar. Perubahan persekitaran yang dinamik menuntut keperluan kepada transformasi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSA). Syarahan Tahunan Naib Canselor UniSA 2014 yang bertemakan "Membangun Budaya Kecemerlangan" meneruskan kesinambungan pelan transformasi UniSA yang telah dilakar dalam Syarahan Tahunan Naib Canselor UniSA 2013 bertajuk "Universiti Sultan Zainal Abidin: Membina Perubahan, Menggapai Impian". Syarahan Tahunan Naib Canselor UniSA 2014 mengungkap visi dan misi Profesor Dr. Yahaya Ibrahim, Naib Canselor UniSA untuk memartabatkan UniSA menjadi sebuah institusi keilmuan cemerlang demi melahirkan insan berilmu terbilang. Untuk itu, syarahan ini menggariskan lima perkara utama. Pertama, ia terfokus kepada citra sebuah universiti unggul. Kedua, ia mengimbas kembali pencapaian UniSA pada tahun 2013 untuk menentukan inisiatif penambahbaikan pada tahun berikutnya. Ketiga, ia menyentuh tentang transformasi hala tuju UniSA. Keempat, ia memperincikan program pengantarabangsaan UniSA. Kelima, ia membincangkan secara tuntas tentang usaha membangun budaya kecemerlangan dari segi governans, staf akademik dan bukan akademik serta pelajar.



Keusahawanan Dan Daya Saing Dalam Sektor Pelancongan Pulau
 Penulis: Yahaya Ibrahim
 ISBN: 978-983-9842-71-5
 Harga: RM45.00

Buku ini membicarakan tentang pelancongan pulau, sektor perniagaan yang sedang berkembang pesat di Malaysia kini. Perbincangan tentang pelancongan pulau ini berlangsung dalam konteks teori keusahawanan dan persaingan serta potensinya dalam keseluruhan industri pelancongan di Malaysia. Huraian ilmiah dalam buku ini disokong oleh data hasil kajian di Pulau Perhentian dan Pulau Redang di Terengganu, Pulau Tioman di Pahang, Pulau Pangkor di Perak, dan beberapa pulau di Sabah. Buku ini penting dibaca oleh pengkaji dan pengusaha pelancongan pulau.



Hidrologi Tanah Tinggi dan Tasik
 Penyunting: Mohd Ekhwan Toriman
 ISBN: 978-983-9842-72-2
 Harga: RM45.00

Buku ini mengandungi 10 rencana yang memperkatakan tentang beberapa isu hidrologi berdasarkan kajian kes di Pahang, Malaysia, yang melibatkan lebih sepuluh orang pakar hidrologi. Isu yang diberikan perhatian termasuklah corak iklim, perubahan guna tanah, sedimentasi sungai, sifat luahan air, kualiti air sungai pembekal, pemuliharaan sumber ikan sungai, dan aplikasi sistem maklumat geografi (GPS) dalam penyelidikan hidrologi. Buku ini penting dibaca oleh pelajar dan pakar hidrologi dan orang yang prihatin terhadap alam sekitar, khususnya sungai.